



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK HARUN BIN HASAN
PENGASAS PERMAINAN REBANA KERCING

OLEH:

NOR FAIZZAHTON BINTI SHAHIDAN (2013599935)
PUTERI UMI KALSUM BINTI MEGAT IBRAHIM (2013194657)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK HARUN BIN HASAN
PENGASAS PERMAINAN REBANA KERCING

OLEH:

NOR FAIZZAHTON BINTI SHAHIDAN (2013599935)
PUTERI UMI KALSUM BINTI MEGAT IBRAHIM (2013194657)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin-NYA dapat kami menyelesaikan tugasan yang diberikan dengan jayanya. Kami tujukan penghargaan dan juga merakamkan ucapan jutaan terima kasih ini kepada Encik Harun Bin Hasan atau lebih dikenali sebagai Pak Su Harun, iaitu pengasas dan juga tenaga pengajar dalam permainan Rebana Kercing kerana sudi menceritakan tentang permainan Rebana Kercing ini.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik iaitu pensyarah subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kerana tidak pernah jemu memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada kami untuk melaksanakan tugasan dengan sebaiknya. Penghargaan ini juga ditujukan kepada beliau kerana telah memberi peluang kepada kami untuk mendalami cerita rakyat Negeri Kelantan.

Tidak lupa juga penghargaan ini kami tujukan kepada kedua ibu bapa kami kerana sentiasa mendoakan kejayaan kami disini. Mereka juga banyak memberi dorongan kepada kami dari segi rohani dan kewangan untuk menyiapkan tugasan ini.

Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada rakan sekelas kami yang secara langsung dan tidak langsung memberi pandangan dan pendapat mengenai tajuk yang kami telah pilih iaitu Rebana Kercing. Sebelum menutup bicara, kami ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada sesiapa yang terlibat dalam menjayakan tugasan yang diberi. Kesudian anda amat kami hargai.

Sekian.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Tujuan utama pendokumentasian sejarah lisan dilakukan adalah untuk menjilidkan secara langsung mengenai Cerita Rakyat atau Lagenda Negeri Kelantan. Dalam melaksanakan tugas yang diberi, satu temubual telah diadakan bersama Encik Harun Bin Hasan atau lebih dikenali sebagai Pak Su Harun Rebana Kercing iaitu pengasas dan juga tenaga pengajar permainan Rebana Kercing. Berdasarkan temubual yang dilakukan permainan Rebana Kercing adalah permainan tradisional rakyat Kelantan yang diperkenalkan oleh pedagang dari Arab-Parsi yang datang singgah di perlabuhan Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Tujuan utama permainan ini diperkenalkan adalah untuk mengembangkan syiar Islam di Kelantan.

Kata kunci: Rebana Kercing, Pak Su Harun Rebana Kercing, perlabuhan Kampung Laut, syiar Islam

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Permainan Rebana Kercing.....	09
Bahagian 3: Tarian Rebana Kercing.....	27
Bahagian 4: Pendapat Tokoh.....	53
Lampiran	
Log Wawancara	61
Diari Kajian.....	68
Senarai Soalan.....	71
Surat Perjanjian.....	75
Gambar.....	76
Indeks.....	79

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Rajah 2: Pak Su Harun

Nama penuh	:	Harun bin Hasan
Nama panggilan	:	Pak Su Harun
Tarikh lahir	:	10 Oktober 1946
Tempat lahir	:	Kampung Laut, Tumpat, Kelantan
Umur	:	70 tahun
Tempat dibesarkan	:	Kampung Laut, Tumpat, Kelantan
Pekerjaan	:	Peniaga Serunding
Tahap pendidikan	:	Darjah 6, Sekolah Melayu Kampung Laut
Status	:	Berkahwin
Bilangan anak	:	8 orang
Mula menceburi Rebana Kercing	:	Tahun 1956 (10 tahun)

PENGENALAN

PENGENALAN

Temubual bagi pendokumentasian lisan ini telah dijalankan pada 26 April 2016 di rumah Encik Harun bin Hasan. Temubual selama satu jam tiga puluh minit ini diadakan bagi mengetahui permainan rakyat negeri Kelantan iaitu Rebana Kercing yang telah lama dilupakan.

Rebana Kercing dikatakan dibawa masuk oleh pedagang Arab-Parsi yang singgah di perlabuhan Kampung Laut. Pada zaman dahulu Kampung Laut dijadikan tempat persinggahan utama perdagang dari seluruh pelosok dunia. Pedagang dari Arab-Parsi memainkan Rebana Kercing bertujuan untuk menyebarkan syiar Islam. Lalu, Rebana Kercing dijadikan permainan utama oleh rakyat Kelantan yang berunsurkan keislaman. Rebana Kercing diasaskan oleh pedagang Arab-Parsi dan kemudiannya diambil alih oleh Cik Ahmad bin Yusof dan Pak Amin bin Taib. Pada tahun 1970, Pak Su Harun diamanahkan untuk mengambil alih Rebana Kercing sehingga sekarang.

Rebana Kercing dimainkan semasa majlis-majlis istana, majlis perkahwinan dan persempahan di sekitar Kelantan. Tujuan utama Rebana Kercing dimainkan adalah untuk mengembangkan syiar Islam dimana setiap lagu yang dimainkan mempunyai unsur zikir. Zikir-zikir ini adalah lebih kepada memuji kebesaran tuhan, mengingati Rasulullah dan para sahabat. Rebana Kercing dimainkan dengan cara memalu permukaan rebana dan kercing yang terdapat disekeliling rebana akan turut dapat didengar. Paluan rebana turut diiringi dengan alunan zikir. Terdapat 26 zikir yang dimainkan didalam Rebana Kercing.

Rebana Kercing turut mempunyai tarian tersendiri. Penarinya terdiri daripada kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur antara 9 hingga 12 tahun. Pergerakan dalam setiap tarian dipengaruhi oleh lagu atau zikir yang dialunkan. Sehingga kini Rebana Kercing dijadikan permainan utama penduduk Kampung Laut, Palekbang, Kelantan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang pendahuluan, latar belakang tokoh, permainan Rebana Kercing, tarian dalam Rebana Kercing dan yang terakhir adalah mengenai pendapat atau harapan pencerita terhadap permainan Rebana Kercing ini. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

Pak Su : Encik Harun Hasan
Puteri : Puteri Umi Kalsum

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

Puteri : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Pak Su : Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.

Puteri : Saya Puteri Umi Kalsum dan kawan saya Nor Faizzahton. Kami pelajar dari Universiti Teknologi Mara Machang. Kedatangan kami ini adalah bertujuan untuk menemuramah encik mengenai Rebana Kercing. Temuramah ini dibuat pada *dua puluh enam april dua ribu enam belas [26 April 2016]* hari Selasa pada pukul *tiga empat puluh lima [3.45pm]*. Temuramah ini untuk memenuhi keperluan subjek kami IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan.
Boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai biodata encik?

Pak Su : Bismillahirrahmanirrahim. (batuk) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu saya bersyukur kehadrat Allah Subahanawataala yang mana Dia masih (bunyi burung) diizinkan tuhan masih ada lagi dan saya bersetujulah saya sangat-sangat menghormati pendapat saudari yang datang dari *UiTM* [Universiti

Teknologi MARA] Machang ini. (bunyi burung) Saya sebenarnya dari dulu lagi saya benar-benar berharap supaya ada satu generasi kemudian menghidupkan balik (bunyi motor) menghidupkan kesenian, kebudayaan Kelantan yang tradisional. Seperti Mak Yong dan Rebana Kercing. Saya bernama Harun Bin Hasan. Tarikh lahir *sepuluh haribulan sepuluh sembilan belas empat puluh enam* [10/10/1946]. (bunyi burung) Sekarang dah *tujuh puluh* [70]. Mempunya *lapan* [8] orang anak. *Empat* [4] lelaki, *empat* [4] perempuan. Kesemua anak lelaki kami pandai menari dan yang bongsu sekali adalah salah seorang dari yang mengikut (bunyi loceng gelang) jejak langkah. Yang mana dia sekarang telah habis buat ijazah di *ASWARA* [kini dikenali sebagai Universiti P.Ramlee] dalam bidang tari dan In Sha Allah kalau dipanjangkan umur pada tahun ini bulan *tujuh* [7] (bunyi pam air) dia akan buat *Master* [Ijazah Sarjana] pula di *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan]. Dan saya sebenarnya akademik darjah *enam* [6] (bunyi burung) Sekolah Melayu Kampung Laut. Itulah biodata saya. Dan saya anak jati Kampung Laut. Dari dulu hingga ke hari ini (bunyi burung).

Puteri : (bunyi loceng gelang) Apakah nama gelaran encik?

Pak Su : Saya kalau di Kelantan khususnya di daerah, kalau Kelantan dipanggil jajahan. Kalau luar daerah, di daerah Tumpat dengan panggilan Pak Su Harun manakala gelaran Pak Su Harun Rebana Kercing.

Puteri : Pak Su Harun Rebana Kercing.

Pak Su : In-Sha-Allah lah.

Puteri : Kami boleh panggil Pak Su?

Pak Su : Ya, boleh panggil Pak Su.

Puteri : Berapakah jumlah adik-beradik Pak Su?

Pak Su : Saya *lima* [5] beradik. *Tiga* [3] lelaki *dua* [2] perempuan. Yang tinggal sekarang saya, kakak saya seorang dan abang saya seorang. Tinggal *tiga* [3] sekarang ini.

Puteri : Pak Su anak yang ke berapa?

Pak Su : Saya anak bongsu dari *lima* [5] beradik. Sebab itu panggil Pak Su. (berdehem)

Puteri : (bunyi burung) Berapakah umur Pak Su semasa berkahwin? (bunyi pam air)

Pak Su : (bunyi burung) Masa berkahwin umur Pak Su cuma *dua puluh dua* [22] tahun.

Puteri : Muda lagi.

Pak Su : Memang muda. Dan Mak Su berumur *lapan belas* [18] tahun. Tapi In Sha Allah, orang dulu (bunyi burung) kesemua patuh dengan ibu bapa In Sha Allah kita akan selamat.

Puteri : (gelak) Betul-betul. Siapakah nama isteri Pak Su?

Pak Su : Isteri Pak Su (bunyi loceng gelang) kalau panggilan dia di dalam surat beranak lain diluar lain (ketawa). Di dalam surat beranaknya dipanggil Gayah Binti Wan Jusuh tapi di luar dipanggil Wan Khadijah Wan Jusuh.

Puteri : Nama gelaran?

Pak Su : Ya, nama gelaran. (bunyi burung) Orang dulu kalau sakit bertukar nama. Sebab itu

nama kadang-kadang *dua* [2] kadang-kadang *tiga* [3]. Kebanyakan macam itu.
Daripada dulu. (bunyi burung)

**Puteri : Pak Su ada *lapan* [8] orang anak. Boleh Pak Su nyatakan nama anak Pak Su
dari yang sulung sampai yang bongsu?**

Pak Su : In Sha Allah (gelak). Anak pertama saya lelaki bernama Muhammad Khaiha Bin Harun, yang *kedua* [ke-2] Nor Fikriah Binti Harun, yang *ketiga* [ke-3] Fakrullah Bin Harun, yang *keempat* [ke-4] Muhammad Hafiz Bin Harun, (bunyi pam air) (bunyi burung) yang *kelima* [ke-5] Nor Hafiza Binti Harun, yang *keenam* [ke-6] Nor Haryati Harun, yang *ketujuh* [ke-7] (bunyi ketukan) Nor Hafizah Binti Harun, dan yang *kelapan* [ke-8] Muhammad Azlan Bin Harun .

**Puteri : Apakah yang mereka lakukan sekarang (bunyi burung) ataupun apa
pekerjaan mereka sekarang?**

Pak Su : Dari *lapan* [8] kesemuanya, *tujuh* [7] dah kahwin dan tinggal yang bongsu seorang yang belum lagi. (bunyi burung)

Puteri : Boleh Pak Su kongsikan dengan kami pekerjaan pertama Pak Su?

Pak Su : Pak Su dari kecil sampai sekarang adalah berniaga. (bunyi kenderan lalu) Dalam itulah sambil-sambil meniaga Pak Su berminat dalam seni. Sebab itu sampai ke hari ini pun seni masih (bunyi burung) Pak Su ingati.

Puteri : Tempat Pak Su meniaga? (bunyi loceng gelang)

Pak Su : Di Kelantan sahaja. Khususnya di Kampung Laut.

Puteri : Sekitar Kampung Laut?

Pak Su : Sekitar Kampung Laut dan barang-barang perniagaan ini sampai ke seluruh Malaysia. Seperti serunding daging kita hantar keseluruh Malaysia. Itu peniagaan lah. Daripada dulu sampai sekarang. (bunyi burung) Dan perniagaan ini adalah turun-temurun. (bunyi pam air)

Puteri : Dari umur berapakah Pak Su mulakan perniagaan tu?

Pak Su : Sebelum kahwin. Muda-muda lagi sampailah hingga ke hari ini.

Puteri : Dari mudalah.

Pak Su : Dari muda lagi. Berhenti sekolah terus meniaga.

Puteri : Perniagaan ini yang Pak Su kerjakan sekarang. Dah berapa lama? (bunyi burung)

Pak Su : Lebih dari *tiga puluh* [30] tahun lah. *Tiga puluh* [30], *empat puluh* [40] tahunlah maknanya.

Puteri : (Gelak) Lebihlah daripada *tiga puluh* [30] tahun.

Pak Su : Ya.

Puteri : (bunyi burung) Dalam permainan Rebana Kercing, (bunyi loceng gelang) ada tak anak-anak Pak Su, adik-beradik ataupun cucu yang berminat dengan permainan ni? (bunyi loceng gelang)

Pak Su : Yang sebenarnya Rebana Kercing Pak Su ambil daripada bapa saudara Pak Su.

(bunyi burung) Seorang guru Rebana Kercing di Kampung Laut yang bernama Encik Ahmad Bin Yusuf dan dia meninggal pada tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] berumur *seratus tiga belas* [113] tahun masa itu. Dan kesemua anak-anak Pak Su kesemua boleh menari yang *laki-laki* [lelaki] boleh menari. Sehingga ke hari ini.

Puteri : (bunyi burung) Sebelum ini ada tak sesiapa pernah menemuramah Pak Su mengenai Rebana Kercing?

Pak Su : Saya rasa kesemuanya. Kalau universiti-universiti di Malaysia kesemua dah. Dan (bunyi kenderaan lalu) pelajar-pelajar ada buat thesis selain dari *UIAM* [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] sahaja yang belum lagi.

Puteri : Kebanyakannya yang menemuramah Pak Su adalah pelajar lah?

Pak Su : Ya. Termasuk juga jabatan-jabatan kerajaan seperti - penyiaran (bunyi burung), 'BERNAMA' pernah buat, 'TV3' pernah buat, 'TV1' pernah buat.

Puteri : Mereka datang ke mari?

Pak Su : Datang ke sini buat rakaman.

Puteri : Sepanjang Pak Su melibatkan diri, ada tak anugerah yang Pak Su pernah terima?

Pak Su : Ya, In Sha Allah. (bunyi burung) Dapatlah beberapa anugerah. Dapat Pingat Bakti daripada Al-Sultan Kelantan pada tahun *dua ribu* [2000]. *Dua ribu enam* [2006] dapat Tokoh Penggiat Budaya Negeri Kelantan (bunyi burung & tupai). *Dua ribu sepuluh* [2010] Tokoh Budaya dan terakhir *dua ribu empat belas* [2014]

saya dapat pengiktirafan daripada Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri Kelantan Negara sebagai Tokoh Permainan Tradisional Kelantan.

Puteri : Di isytiharkan oleh Malaysia?

Pak Su : Ya, dibawah Kementerian Kebudayaan Kesenian Negera.

Puteri : (bunyi pam air) Apakah perasaan Pak Su semasa dapat penghargaan tu?

Pak Su : *Penghargaan tu berasa baiklah untuk kita* [Berasa gembira ketika mendapat penghargaan tersebut].

Puteri : Adakah Rebana Kercing mempunyai persatuan?

Pak Su : Ya. Rebana Kercing ada persatuan. Kita tubuh Rebana Kercing atas nama Badan Kesenian Rebana Kercing pada tahun *dua ribu* [2000] (bunyi ketukan). *Bak po* [sebab apa]? Sebab Pak Su ambil alih Rebana Kercing ini pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] daripada guru. *Sembilan belas tujuh puluh empat* [1974] Pak Su tubuhkan (bunyi kanak-kanak bermain) belia _ dibawah belia _. Tapi pada tahun *dua ribu* [2000] kita daftar sendiri dengan daftar pertubuhan sebagai satu badan khas yang kita ini Rebana Kercing Kampung Laut.

Puteri : Maksudnya Rebana Kercing ni dah (bunyi loceng gelang) didaftarkan?

Pak Su : Ya, *dah* [sudah] di daftarkan.

Puteri : Daftar dibawah?

Pak Su : Bawah pendaftaran pertubuhan terus.

Puteri : Berapakah jumlah ahli dalam Rebana Kercing?

Pak Su : Ahli dalam Rebana Kercing tidak ramai. Semua *lima puluh* [50] orang daripada dulu. Sebab kita ambil daripada penari-penari, pemuzik rebana dan juga beberapa orang-orang yang berkenaan sahaja seperti *Tok Penggawa* [seorang pegawai kerajaan negeri yang menguruskan hal ehwal pentadbiran daerah di dalam jajahan negeri Kelantan], Tok Penghulu sebagai penasihat. (bunyi burung)

Puteri : *Lima puluh* [50] orang sahaja?

Pak Su : *Lima puluh* [50] orang sahaja.

Puteri : (bunyi pam air) Memang tidak akan berubah ataupun-

Pak Su : Tidak. Kita ambil mengikut keadaan semasa. Mungkin *yang ke depan ini lebih atau kurang* [pada masa akan datang mungkin ahli yang akan diambil akan bertambah atau akan dikurangkan].

Puteri : Pernah tak Persatuan Rebana Kercing dipanggil untuk persembahan luar daripada Malaysia? Maksudnya antarabangsa. (bunyi loceng gelang)

Pak Su : Ya. Kita pernah pergi cuma *dua* [2] negara sahaja. Iaitu di *Singapore* [Singapura] dan di Bangkok, Thailand.

Puteri : Di panggil sebab ada festival atau macam mana?

Pak Su : Ya. (bunyi burung) Di jemput oleh negara itu. Dimana di Thailang kita buat di Pattani, Persidangan Islam Peringkat Antarabangsa kalua tidak silap.

Puteri : Pada tahun berapakah itu Pak Su?

Pak Su : Saya tidak ingat tahun berapa.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PERMAINAN REBANA KERCING

Puteri : Tidak apa. Boleh Pak Su ceritakan (bunyi loceng gelang) sikit tentang permainan Rebana Kercing? Dari mana asalnya Rebana Kercing?

Pak Su : Okay sejarahlah *deh* [ya]. (bunyi burung) Apa yang Pak Su difahamkan, sejarah betul yang bertulis tiada, cuma sejarah dari mulut ke mulut. Kerana dulu- tapi sekarang *baru kita nak mengadakan benda macam ini* [pendokumentasian sejarah lisan]. Bagus lah. Apa yang difahamkan Rebana Kercing ini berasal dari (bunyi pam air) Arab-Parsi yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab pada masa itu. Pada masa itu, Kampung Laut ini adalah satu kampung strategik (bnyi burung) buat pedagang-pedagang. Yang mana Kampung Laut adalah kampung ditepi laut dan tempat persinggahan pedagang-pedagang daripada Thailand, daripada Cambodia, China, India. Keseluruhan kepulauan di Indonesia. Apabila singgah di Kampung Laut bertukar perniagaan dan orang Kampung Laut ini adalah ahli perniagaan (bunyi kenderaan lalu). 50 peratus orang Kamung Laut ini adalah ahli perniagaan dari dulu hingga ke hari ini.

Puteri : Mereka bermiaga di?

Pak Su : Meniaga merata-rata. Sebab itu kalau di Kampung Laut ini -- kalau saudari-saudari semua boleh tengok (bunyi burung) peninggalan-peninggalan sejarah daripada beberapa negara masih ada disini, di Kampung Laut. Daripada China, daripada Thailand. Jadi ahli perniagaan ini singgah disini. Kebetulan Kampung Laut ada satu masjid. Kampung Laut memang Islam awal lagi. Cuma satu tarikh yang tepat kita tidak ada.

Puteri : Sebab zaman dulu kan-

Pak Su : Ya, zaman dahulu- sebab apabila sebut sahaja Masjid Kampung Laut, semua orang kenal. (bunyi burung) Masjid tertua di asia. Jadi pedagang-pedagang islam datang singgah di masjid. Masa itulah pedagang-pedagang daripada Arab-Parsi yang datang singgah untuk (bunyi pam air) mengembangkan lagi syiar islam, mengadakan permainan Rebana Kercing ini. Itu dijemput anak-anak kecil kita yang berumur daripada *sembilan* [9] hingga *dua belas* [12] tahun lelaki belajar macam nasyid. Zikir, yang bahasanya bahasa Arab-Parsi. (bunyi burung) Bahasa-bahasa lama. Jadi disitulah timbulnya Rebana Kercing. Diajar budak-budak ini menyanyi dan pergerakkan-pergerakkan tubuh. Dari masa itu sehingga *selepas itu* [sekarang] orang Kampung Laut yang- berminat mengambil kesinambungan daripada pedagang-pedagang hingga ke hari ini.

Puteri : Pada zaman dahulu, adakah Rebana Kercing ini dijadikan satu hiburan pada rakyat Kelantan?

Pak Su : Ya, memang. Kalau di istana Kelantan ada persembahan perkahwinan, jemputan *VVIP* [Very Very Important Person], (bunyi burung) sultan datang memang

Rebana Kercing akan buat persembahan di istana. Sebab dulu permainan Rebana Kercing dipanggil permainan dalam tidak terbuka. Permainan dalam bermakna bermain di tempat-tempat khas sahaja. Tempat perkahwinan, di istana, tempat-tempat -- tapi sebab perubahan masa kita sudah main di tempat terbuka sekarang ini. Begitu. (bunyi burung)

Puteri : Pada pendapat Pak Su, (bunyi pam air) adakah Rebana Kercing ini mempunyai kepercayaan tersendiri?

Pak Su : Maksud kepercayaan itu?

Puteri : Maksudnya seperti Rebana Kercing dibawa masuk daripada Arab -- tujuan mereka membawa permainan itu, adakah mereka ada kepercayaan? Maksudnya seperti, (bunyi loceng gelang) kalau pedagang Arab ini bawa masuk Rebana Kercing, ia akan jadi satu permainan yang akan diingat sampai bila-bila.

Pak Su : Ya, memang macam itu. Sebab motifnya adalah untuk mengembangkan mengenai syiar islam. Sebab itu lagu-lagu Rebana Kercing ini bersistem lagunya. Lagu permulaan hingga lagu akhir. Dan lagu-lagu yang dinyanyikan itu adalah berbentuk (bunyi burung) syair Arab. Dan memang tinggi maksudnya. Lagu-lagu ini adalah memuji kebesaran Tuhan dan kebesaran nabi-nabi dan sahabat-sahabat. *Itu sahaja semua lagu* [semua lagu dalam Rebana Kercing membawa maksud memuji kebesaran Allah, nabi dan para sahabat].

Puteri : Macam mana penerimaan rakyat Kelantan pada zaman dahulu dan zaman sekarang mengenai Rebana Kercing ini?

Pak Su : Penerimaan dulunya memang suka. Orang kampung, pada peringkat negeri ke sebab kalau ada perayaan seperti hari - Keputeraan Sultan, tiap-tiap tahun kita ada persesembahan di Kota Bharu. (bunyi pam air) Dan masa itu Rebana Kercing ini bukan satu di Kampung Laut. Di Kampung Laut ada satu dan daripada Kampung Laut ada pecahan beberapa lagi. (bunyi kenderaan lalu) Seperti di Pasir Tumboh, Kota Bharu ada Rebana Kercing, di Tapang ada Rebana Kercing, di Salor ada. Tapi sampai sekarang semua sudah tiada. Tinggal satu sahaja di Kampung Laut.

Puteri : Sebelum ini Rebana Kercing ada di sekitar Kelantan.

Pak Su : Tapi di kebanyakkan di daerah Tumpat dan daerah Kota Bharu sahaja.

Puteri : Maksudnya pada hari ini (bunyi loceng gelang) semua [Rebana Kercing] memang ada di Kampung Laut sahaja?

Pak Su : Ada di Kampung Laut satu-satunya. Yang lain sudah terkubur macam itu sahaja. Di Kampung Laut ini juga sudah beberapa (bunyi burung) kali hidup, mati, hidup, mati.

Puteri : Perkataan Rebana Kercing ini dari mana asalnya?

Pak Su : Selalu kalau Rebana Kercing ini, di Kampung Laut, Kelantan dipanggil dikir Rebana Kercing bermakna Zikir Rebana Kercing. Zikir dengan menggunakan rebana seperti di Arab, kalau tidak silap Pak Su di Turkey ada lebih kurang satu tarian dan pergerakkan seperti Rebana Kercing. Pak Su pernah tengok gambar

tradisional daripada Turki *lebih kurang begitu* [seperti Rebana Kercing]. Kercing pula mempunyai (bunyi pam air) *tiga* [3] tembaga. Bermakna ada *Enam* [6] keping tembaga di sekeliling rebana itu. Itu yang bunyi ‘cing’, orang Kelantan kata ‘cing’, kercing itu lah (puteri ketawa). Kalau di luar dipanggil Rebana Telinga. Saya rasa di Johor ada di panggil Rebana Telinga. Rebana Telinga dia tiada bunyi ‘cing’, tapi menggunakan rebana yang sama.

Puteri : Bunyi yang sama?

Pak Su : Bunyi mungkin ada lebih kurang sedikit. Sebab di Kampung Laut, Kelantan kita guna kulit kambing. Kalau diluar dia guna kulit lembu. Jadi berbeza disitu. Dari segi bunyi memang berbeza. Itu antara (bunyi burung) tradisional dan kepakaran mereka.

Puteri : Dimanakah Rebana Kercing ini mula-mula (bunyi loceng gelang) dimainkan?

Pak Su : Kalau di Kelantan memang di Kampung Laut lah.

Puteri : Memang *startnya* [bermulanya] disini?

Pak Su : Memang *start* [mula] disini. (bunyi ayam berkокok)

Puteri : Siapakah pengasas Rebana Kercing ini Pak Su?

Pak Su : *Pada peringkat awalnya* [pada seratus tahun lebih dahulu] ada dua orang guru. Yang pertama dipanggil Pak Su Besar. Saya juga tidak tahu nama sebenar dia memang Cik Besar atau bukan. (bunyi burung) *Bin* [nasab keatas ayah] juga kita tidak tahu. (bunyi pam air) Selepas itu barulah tok guru Pak Su iaitu Cik

Muhamad Amin Bin Taib. Gelaran dia ialah Pak Min Juara Dikir dan guru ketiga [ke-3] ialah *pak saudara* [bapa saudara] Pak Su sendiri, Cik Ahmad (bunyi motorsikal) Bin Yusuf. Pak Su ambil alih pada *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973]. Pak Su menari *sembilan belas lima puluh enam* [1956]. Pak Su lahir *sembilan belas empat puluh enam* [1946]. Bermakna berumur *sepuluh* [10] tahun *masa itu* [ketika mula menari]. Sekarang sudah *enam puluh* [60] tahun lah. (bunyi burung)

Puteri : Daripada Pak Su *sepuluh* [10] tahun sudah *start* [mula] menari? (bunyi loceng gelang)

Pak Su : Ya.

Puteri : So [Jadi] pengasas memang tiga orang itu daripada awal dulu?

Pak Su : Ya, daripada Pak Su kecil, Pak Muhamad Amin Bin Taib (bunyi burung), selepas itu Cik Ahmad Bin Yusuf, *pak saudara* [bapa saudara] Pak Su.

Puteri : Cik Ahmad Bin Yusuf masih ada lagi?

Pak Su : Tiada. Sudah meninggal.

Puteri : Apakah tujuan utama Rebana Kercing (bunyi burung) ini dipersembahkan?

Pak Su : Salah satunya adalah yang pertama (bunyi burung) sebagai hiburan untuk orang kampung. Yang kedua [ke-2] untuk mengembangkan syiar islam.(bunyi ketukan)

Puteri : Memang untuk memperkembangkan syiar islam lah.

Pak Su : Ya. Sebab kita ambil penari dari kanak-kanak lagi. Kita masukkan supaya mereka minat (bunyi pam air) (bunyi burung) kepada agama. Untuk nasyid. (bunyi ketukan) Kita dulu belajar begitu.

Puteri : Sudah berapa lama Pak Su terlibat dalam permainan Rebana Kercing ini?

Pak Su : *Enam puluh* [60] tahun. (gelak) Dari tahun *lima puluh enam* [56'] hingga sekarang.

Puteri : Memang dari umur *sepuluh* [10] tahun Pak Su sudah *start* [mula] main?
(bunyi burung)

Pak Su : Ya. Umur *sepuluh* [10] tahun *start* [mula] hingga ke hari ini.

Puteri : Dari umur *sepuluh* [10] tahun sudah berminat dengan Rebana Kercing.
Siapakah mendorong Pak Su untuk berminat dengan Rebana Kercing?

Pak Su : Apa yang Pak Su difahamkan, Kampung Laut ini adalah *satu* [1] kampung yang asalnya keluarganya sudah kuat (bunyi burung) agama, suka *benda-benda* [Rebana Kercing] sebegini. Jadi ia datang sendirinya. Minat dengan sendiri. Untuk makluman kawan-kawan Pak Su sendiri -- minggu lepas seorang yang betul-betul tahu mengenai Rebana Kercing sudah meninggal dunia. Sama umur dengan Pak Su dan sekolah sekali. (bunyi burung) Tahun lepas *dua* [2] orang. Sekarang yang tinggal Pak Su sahaja. Tapi kesemuanya, seni-seni, keagamaan memang tinggi *blako* [semua]. (bunyi ketukan)

Puteri : Dari dulu --

Pak Su : Dari dulu. Beberapa orang. Sekarang sudah tiada *blake* [semua]. (bunyi pam air) Sebab itu Pak Su (bunyi motorsikal) berharap sangatlah *seperti mana ini* [pendokumentasian sejarah lisan] (bunyi pam air) baguslah. Supaya seperti *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] ke, *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] ke Pak Su rasa tak ada dah. Sebab dulu kalaolah mungkin mungkin apakan jadi kita tak tau lah. Tapi Pak Su rasa akan malaplah. Mungkin akan hilang. Seperti Mak Yong *takpelah* [tidak apalah] lagi tapi Rebana Kercing *takde* [tiada] lagi *takde* [tiada] yang itu.

Puteri : Sebab Rebana Kercing cuma ada satu [1] persatuan ini sahaja.

Pak Su : Ya.

Puteri : Kumpulan memang satu [1] sahaja?

Pak Su : *Satu* [1] kumpulan sahaja.

Puteri : Macam Pak Su cakap tadi sudah lama Pak Su dalam bidang permainan Rebana Kercing ini. Apa faktor yang menyebabkan Pak Su nak lagi teruskan permainan ini? (bunyi burung)

Pak Su : (bunyi kertas diselak) Sebab itulah Pak Su cakap tu (bunyi burung), banyak faedahnya. Sebab bila kita duduk dalam persatuan Rebana Kercing salah satunya (bunyi burung) kita punya minda terbuka. (bunyi burung) Sebab apa Pak Su nak bagi tau, pelajar-pelajar Pak Su yang peringkat pertama, sekarang ini sudah jadi pegawai kerajaan *division satu* [bahagian 1]. Kalau cikgu tu biasalah, ramai. In Sha Allah, di Kuala Lumpur, berapa ramai (bunyi burung) bekas anak

murid yang pertama. Mereka daripada dulu sampai sekarang, In Sha Allah, dari segi agamanya (bunyi burung) (bunyi pam air) dari segi perangai memang baik. Alhamdulillah terjaga.

Puteri : (bunyi burung) Maksudnya bila mereka menyertai Rebana Kercing ini memang diserap dalam diri masing-masing.

Pak Su : Ya. Hati budi mereka ini memang baguslah. Sebab apabila (bunyi ketukan) Pak Su ambil alih, untuk pengetahuan semua, dalam latihan kita ada syarat-syarat. Pelajar kita bagi *warning* [amaran] selalu apa yang kita tidak suka. Siapa yang buat tidak kena kita terus panggil ibu bapa datang. Mengapa? Sebab Pak Su pernah buang anak orang atasan (Puteri ketawa) di kampung ini. Pak Su kata “Kau balik bagi tahu ibu bapa kau, datang jumpa aku. Mengapa aku buang kau. Balik bagi tahu.” Tapi In-Sha-Allah, (bunyi kenderaan lalu) memang bagus. Dari segi akademik kebanyakkan kalau darjah *enam* [6] *lima* [5] ‘A’ saja. Di sekolah-sekolah kalau budak Rebana Kercing saja, semua guru-guru, guru besar atau pengetua, “Okay budak Rebana Kercing yang buat rekod”. Di sekolah-sekolah daripada dulu hingga ke hari ini. Kalau di sekolah menengah, budak tingkatan *tiga* [3], (bunyi pam air) *PT3* [Peperiksaan Tingkatan Tiga] dipanggil. Budak tingkatan *lima* [5] ke, In-Sha-Allah budak Rebana Kercing yang buat. Semua Berjaya. Disiplin kita cukup-cukup jaga. (bunyi ayam)

Puteri : Apa peranan Pak Su dalam Rebana Kercing? Contoh Pak Su ini tenaga pengajar ataupun Pak Su ketua dalam persatuan.

Pak Su : Dalam persatuan Pak Su sebagai penasihat dan sebagai ketua jurulatih. Di Pejabat Kebudayaan Negeri Kelantan juga Pak Su sebagai ketua jurulatih tarian

(bunyi motorsikal). Secara kontrak.

Puteri : **(bunyi burung) Sampai sekarang?**

Pak Su : Sekarang Pak Su sudah tarik diri (bunyi motorsikal) *dua ribu-* [20-] (bunyi burung) *dua ribu empat belas* [2014] Pak Su tarik diri.

Puteri : **Baru lagi.**

Pak Su : Baru lagi. *Dua, tiga* [2, 3] tahun daripada Pak Su sakit, buat pembedahan jantung. Pak Su terus berhenti sebagai jurulatih di jabatan.

Puteri : **Lama ke Pak Su jadi jurulatih?**

Pak Su : Tahun - *sembilan belas Sembilan puluh* [1990].

Puteri : **Sembilan belas sembilan puluh** [1990]. Lama juga.

Pak Su : *Dua puluh* [20] (bunyi burung) tahun lebih (gelak). (bunyi burung) Tapi juru latih secara kontrak sahaja.

Puteri : **(bunyi burung)Berapa kerap Persatuan Rebana Kercing dipanggil untuk membuat persembahan?**

Pak Su : (bunyi pam air) Kalau dari tahun *dua ribu* [2000] sampai *dua ribu sepuluh* [2010] boleh kata tiap-tiap tahun sampai *lima puluh* [50] persembahan kadang-kadang lebih. Sampai kita boleh dapat sampai *lima puluh ribu* [50,000] setahun. Tapi sekarang dah kurang, mungkin dari segi (bunyi ketukan) ekonomi dan (bunyi burung) lain-lain.

Puteri : Sampai sekarang, banyak kali juga sudah dipanggil.

Pak Su : Kalau dulu *lima puluh, tiga puluh* [50, 30] kali setahun. Memang tidak kurang.

Puteri : (bunyi burung) Kami nak tanya, apakah alatan paling penting untuk buat Rebana Kercing ataupun dalam permainan Rebana Kercing?

Pak Su : Yang paling penting ialah *costume* [pakaian] yang dipakai oleh penari-penari lelaki mahupun perempuan. Dia ada *tiga* [3] *costume* [pakaian] yang asli dan tidak ada di mana-mana. Dia berbeza dengan Mak Yong. Mak Yong asli juga, tapi Rebana Kercing lagi asli. Seperti pemekup dada yang penari pakai dihadapan. Jika ada gambar boleh tengok. Siba Dayang dan Buah La, yang penari pakai dibelakang dan pakaianya ialah pakaian yang menutup aurat. Seluar panjang, baju lengan panjang dan labuh. Kalau perempuan bertudung manakala lelaki bersongkok. (bunyi pam air dan burung)

Puteri : Untuk Rebana Kercing apa alatannya?

Pak Su : Rebana Kercing (bunyi burung) guna rebana sahaja yang di panggil Rebana Kercing. Kalau kita buat persempahan, kalau kita *sepuluh* [10] orang, guna *sepuluh* [10] biji rebana. Cuma bunyi paluan yang berbeza. (bunyi kereta)

Puteri : Setiap paluan setiap seorang?

Pak Su : Ya. Setiap orang. Cara paluan ada tiga. Ada paluan anak, paluan ibu dan paluan tikam.

Puteri : Berapa orang yang main?

Pak Su : (bunyi kereta) Biasanya *lapan* [8] orang. Kalau tidak paling *top* [tinggi atau banyak] *dua belas* [12], *sepuluh* [10] dan *lapan* [8].

Puteri : Untuk bermain Rebana Kercing berapa orang?

Pak Su : (bunyi kereta) Sama juga. Penari macam itu, pemalu juga macam itu. *Lapan* [8], *sepuluh* [10], *dua belas* [12].

Puteri : Berapa usia peralatan Rebana Kercing sekarang?

Pak Su : Usia Rebana Kercing di Kampung Laut ini tidak kurang daripada *seratus lima puluh* [150] tahun.

Puteri : Rebana diguna daripada dulu?

Pak Su : Tidak rebana. Maknanya yang asli pemekup dada memang asli dari dulu sampai sekarang.

Puteri : Pak Su tak tukar ke macam mana?

Pak Su : Kita cuma baik pulih sikit sahaja.

Puteri : Rebana Kercing ada tukarlah.

Pak Su : Rebana memang tukar. Maknanya sarung luar memang kena tukar baru.

Puteri : Kulit dia?

Pak Su : Ya. (bunyi motorsikal)

Puteri : Rebana Kercing diperbuat daripada apa? Memang diperbuat daripada kulit itu ke ataupun ada lagi?

Pak Su : Ya. Rebana Kercing ini kayunya kita buat daripada kayu nangka, kayu sena ataupun kayu laban. Tiga jenis kayu saja (bunyi televisyen). Tapi yang belulangnya ialah belulang kambing.

Puteri : Belulang itu macam mana?

Pak Su : Kulit kambing kita panggil belulang. Kita guna kulit kambing tidak boleh lembu. Kalau di negeri lain seperti Perak, dia guna kulit lembu atau kulit kerbau. Rebana yang kecil. (bunyi burung) Saya tidak tahu ia dipanggil apa.

Puteri : Kenapa Rebana Kercing ini sahaja yang gunakan kulit kambing Pak Su?

Pak Su : Bagi Pak Su kulit kambing lebih (bunyi burung) enak bunyi daripada kulit lembu. (bunyi ketukan)

Puteri : Maksud, bunyinya lagi padu?

Pak Su : Ya. (bunyi burung) Paluan itu ada tinggi rendah. Itu di Kelantan khususnya di Kampung Laut.

Puteri : Maksudnya berapa (bunyi burung) kerap Rebana Kercing ini ditukar? Bila rosak baru tukar ke macam mana?

Pak Su : Bila rosak baru tukar. Kadang-kadang tahan sampai *tiga* [3] tahun lebih sebijii. (bunyi burung) Sekurang-kurangnya *dua* [2] tahun, *tiga* [3] tahun baru tukar.

Puteri : (bunyi burung) Kadang-kadang apa yang menyebabkan Rebana Kercing ini rosak?

Pak Su : Sebab kulit kambing pecah ataupun jemalan. (bunyi pam air) Kayu itu di panggil jemalan.

Puteri : Kayu yang tempat pegang tu?

Pak Su : Ya. Kadang-kadang kayu itu pecah.

Puteri : Terpaksa tukar semua sekali?

Pak Su : Ya. Terpaksa tukar.

Puteri : (bunyi burung dan televisyen) Pak Su ada kenalan sendiri yang boleh tukarkan (orang mengaji) Rebana Kercing itu?

Pak Su : Stop [berhenti] dulu -

Puteri : (bunyi ayam dan televisyen) Apakah keistimewaan Rebana Kercing ini daripada rebana-rebana yang lain?

Pak Su : (bunyi ayam) Keistimewaan Rebana Kercing ini adalah ia mempunyai kercing. Dari segi bunyi, apabila rebana kita palu, ada bunyi ‘cing’ disitu keistimewaannya. Apabila kita dengar lagu dengan cara palunya, saya rasa memang cantik.

Puteri : Itu keistimewaannya?

Pak Su : Ya. Keistimewaannya

Puteri : Ada tak keistimewaan lain?

Pak Su : Saya rasa tiada. Cuma ia masuk dengan lagunya. Kita bagi orang dengar dan kita juga berasa (burung) terhibur dengan apa yang kita palu.

Puteri : Ada tak apabila rebana itu dipalu (bunyi burung) ada orang rasa terikut sekali nak berzikir?

Pak Su : Ya memang itu semula jadi. Kadang-kadang - salah satu anak murid Pak Su yang lelaki sekarang sudah jadi Tok Iman masjid (bunyi burung) dan johan Al-Quran peringkat kebangsaan. (bunyi pam air) Apabila dia menyanyi dia menangis masa menari. Kena dengan lagu yang dia nak. (bunyi burung) Itu keistimewaannya. Perempuan seorang. Apabila ada ada lagu yang dia minati, dia akan menangis sendiri. Itu antara kelebihan antara paluan Rebana Kercing dengan lagu yang dinyanyi.

Puteri : Itulah bezanya Rebana Kercing dengan rebana lain.

Pak Su : Ya, itu bezanya.

Puteri : Perasaan dia itu lain.

Pak Su : Perasaan dia itu. Dia menghayati. Dia masuk sendiri. (bunyi burung)

Puteri : Untuk Rebana Kercing ini siapa yang menjadi pemalu rebana?

Pak Su : Kalau ikut dulu-dulu, orang tua-tua, bapa kita. Tapi sekarang, apabila Pak Su mengajar ambil alih ketika itu, budak yang peringkat pertama, apabila dia sudah dapat menari. Sebab menari Rebana Kercing ini daripada *sembilan* [9] hingga *dua belas* [12] tahun sahaja. Sebab itu dari segi akidah kita tidak salah. Bila dia

tiga belas [13] tahun kita akan ajar dia (bunyi motorsikal) palu rebana. Bermakna ada kesinambungan. Lepas dia menari, dia akan memalu rebana. Dia akan jadi juara dikir. Sehingga ke hari ini kesinambungan itu. Sekarang pemuda-pemuda lah. (bunyi burung) Terbaru, Pak Su ambil budak tingkatan *dua* [2], *tiga* [3] dan *empat* [4] daripada Sekolah Menengah Kampung Laut untuk palu rebana. (bunyi pam air) Di sekolah itu ada kelas muzik. Kita tolong bantu di sekolah itu dari segi muzik Rebana Kercing. (bunyi burung)

Puteri : Untuk Rebana Kercing ini berapa jenis lagu yang Pak Su ada?

Pak Su : Lagu Rebana Kercing asalnya ada *lima puluh* [50] lagu masa bapa saudara Pak Su. Tapi apabila keadaan berubah-ubah sampailah tahun Pak Su ambil alih sampai ke hari ini cuma ada *dua puluh enam* [26] lagu sahaja. Separuh sudah tiada. Pak Su berasa sedih. (bunyi motorsikal) Dengan sebanyak yang ada, dah habis ikhtiar Pak Su. Jumpa orang itu, jumpa orang ini. Kadang-kadang mereka dah nyanyuk masa itu tidak dapat nak buat. Termasuk kawan-kawan Pak Su sendiri sudah meninggal. Ini mujur ada. Itu saya kata tadi, kalau *dua puluh enam* [26] lagu ini pun hilang juga, tidak tahu lah. (bunyi motosikal dan burung)

Puteri : Sebab lagu ini dari mulut ke mulut daripada dulu tidak direkodkan.

Pak Su : Tidak di tulis dan direkod. Orang tua dulu tidak pandai menulis sangat. (bunyi pam air) Terima dari mulut ke mulut, menghafal. (bunyi burung) Bila persatuan itu hidup mati, kemudian di ambil alih oleh beberapa orang dan setiap pertukaran orang itu, lagu juga hilang satu per satu. Penghujung *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973], Pejabat Kebudayaan dan Keseniaan masa itu tolong ambil alih. (bunyi burung) Ia dipanggil program pulih dan pelihara Jabatan

Kebudayaan (bunyi motorsikal). Hingga ke hari ini dan sekarang lagu-lagu itu kita sudah rekod.

Puteri : Sekarang lagu itu sudah ditulis?

Pak Su : Ya, sudah ditulis.

Puteri : Dua puluh enam [26] lagu itu ada? (bunyi burung)

Pak Su : Ada. Sudah ditulis. (bunyi burung)

Puteri : Lagu-lagu ini Pak Su ada tak rekodkan menjadi satu [1] CD?

Pak Su : Cuma dalam CD itu ada *sepuluh* [10] lagu sahaja Pak Su sudah rekodkan. Yang lain belum lagi. (bunyi burung) Dalam pertimbangan. Persatuan kita akan rekod tapi sekarang keadaan ekonomi sangat teruk sikit. Jadi nak buat semua itu payah. Rekod-rekod ini kalau tiada *sepuluh ribu* [RM10, 000] tidak cukup. Mana nak cari *sepuluh ribu* [RM10, 000] kerja kampung sahaja. (anak pencerita bersin) (bunyi burung) (bunyi pam air)

Puteri : Ada tak lagu-lagu atau zikir dimainkn semasa Rebana Kercing ini, Pak Su perbaharui ataupun menggunakan lagu-lagu lama? (bunyi burung)

Pak Su : Lagu-lagu tidak diperbaharui. Memang tradisional. Memang lagu asli betul. Cuma pergerakkan diubah sedikit. Pecahan sahaja. Gerak tari tidak diubah. Tradisional.

Puteri : Cara pukulan?

Pak Su : Cara pukulan memang kita tidak diubah. Memang tradisional betul. Ikut dari

zaman dulu hingga ke hari ini. Cuma pecahan pergerakkan mengikut tempat kita menari.tapi gerak tari tidak berubah. (bunyi ketukan dan burung)

Puteri : Boleh tak Pak Su bagi tahu nama-nama lagu yang ada?

Pak Su : Kalau lagu Rebana Kercing daripada lagu pertama di panggil lagu pembukaan. (bunyi kenderaan) Lagu akhir, lagu penutup. Jadi kalau lagu pertama untuk makluman dimulakan dengan selawat ‘Solatullah’. Kalau sebut ‘Solatullah alanabi’. Itu pertama sekali mana kita (bunyi pam air) jumpa semuanya. Lagu penutup, lagu selamat tinggal. Seperti jika kita pergi ke rumah orang kahwin. Ada lagunya iaitu ‘Ya Rasulullah Ya Habiballah’. Makna sebut benda-benda macam itu sahaja. Cuma persembahan sekarang (bunyi televisyen) tidak lama seperti dulu. Dulu kita main sampai setengah jam. Sekarang kalau di pentas, kira-kira *sepuluh* [10] minit sahaja kita main. Persembahan dalam *tiga* [3] lagu. Itu kita pilih, kadang sebab sambutan *VIP* [Very Important Person]. Siapa dia? Perdana Menteri, Sultan, *berbeza-beza* [lagunya]. Ini atas pilihan kita.

Puteri : Pak Su sendiri yang pilih?

Pak Su : Ya, Pak Su sendiri yang pilih lagu itu. Umpama Agong melawat Kelantan, pada tahun berapa tu, (bunyi tupai) kita akan main *tiga* [3] lagu. Terakhir sepertimana hari perkahwinan Tengku Anis, Pak Su dah buat *tiga* [3] lagu masa itu. Tapi, In-Sha-Allah dapat sambutan begitu hangat. Tapi begitulah, lepas itu -- (bunyi ketukan) Lagu –lagunya begitulah. Kebanyakan lagu-lagunya kita pilih.

Puteri : Maksudnya lagu ini dimainkan mengikut jenis-jenis --

Pak Su : Ya, mengikut jenis-jenis tempat yang kita buat persembahan itu. (bunyi burung)

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: TARIAN REBANA KERCING

Puteri : Apa jenis tarian yang dipersembahkan? (bunyi pam air) Maksudnya jenis tarian itu, dia mudah ke, tidak banyak pergerakkan ke? Macam mana?

Pak Su : Tidak. Sebab tarian Rebana Kercing ini ada simboliknya, ada ertinya dari segi pergerakkan itu. (bunyi ayam) Sebab itulah kalau *satu* [1] lagu yang selalu dimainkan dimana-mana tempat, di istana ke, sambutan *VVIP* [Very Very Important Person] ke, kita tidak tinggalkan mana-mana lagu. ‘Ya Daá Allah Huda’, lagu itu menunjukkan (bunyi ayam) kita serumpun islam ini adalah *satu* [1]. Tapi bila masing-masing pergi bekerja, berumah tangga, berpecah-pecah, (bunyi burung) akhirnya akan bercantum balik. Dan ‘Wasolatullah’ balik. Maknanya, daripada asal kita *satu* [1] rumpun akan balik menjadi *satu* [1] rumpun. Dan tidak lain selain daripada Allah. Kebanyakan macam itu lagunya. Lain, mula-mula kita ‘Ya Salam Ya Rasulullah’. Macam kita duduk tahiyat akhir. Mana kita hormat pada orang kanan dan orang kiri, ke depan dan ke belakang (bunyi ayam). Lepas itu *satu* [1] pergerakkan kita bawa ke depan, ke belakang, ke kiri, ke kanan. Bermakna kita mengambil kira kesemua orang sekeliling. Dari segi gerak tari itu.

Puteri : (bunyi burung) Tarian itu ada nama tak Pak Su?

Pak Su : Memang ada nama. Kesemua ada nama (bunyi pam air). Sebab jadi lagu itu.

Puteri : Boleh Pak Su bagi tahu nama- nama tarian?

Pak Su : Kalau kena sepenuhnya tak dapat, kalau kita nanti (ketawa) setakat sikit boleh lah.

Puteri : (gelak) Tak apa.

Pak Su : Ya Rasulullah, Istadi, Maulana, Mazal'aza, (bunyi ayam) Yaduya, Ya Ayu, 'Ala Tu Fa Bi Ha, - (bunyi burung) banyak lagi lah. Tapi itu (bunyi ketukan) selalu kita bawa, dari segi (bunyi burung) itu pula, kita sudah *macith* [padangkan] dengan tempat persembahan. (bunyi ayam) Kalau lagu ini dia tidak masuk dengan lagu ini dengan gerak ini. Situ kita sudah tahu cara-cara untuk persembahan itu (bunyi burung) tidak kesemuanya *straight* [terus] lagu kita akan main. Sebab sekarang ini, *satu* [1] lagu pergerakkan ini kita akan kahwinkan dengan pergerakkan lagu ini. Tidak sama dengan *satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4] begitu.

Puteri : Maksudnya satu lagu itu kita pilih tarian mana yang sesuai dengan lagu itu?

Pak Su : Ya dengan keadaan setempat. (bunyi ketukan) Kita nak masukkan lagu dengan tari itu samalah tari dengan lagu itu. Cuma nak ambik lagu yang kedua itu kita pilih lagu-lagu yang mana patut sesuai dengan lagu yang kita buat pertama sekali.

Puteri : Siapa yang mencipta tarian?

Pak Su : Tarian ini sebenarnya daripada dulu lagi hingga ke hari ini. Cuma kita ubah pecah-pecahan begitu sahaja.

Puteri : Tidak tahulah siapa yang mula-mula mencipta tarian?

Pak Su : Kita tidak tahu. Daripada pedagang-pedagang tadilah. Pedagang-pedagang Arab yang datang tadi.

Puteri : Maksudnya dari zaman Arab semasa *diorang* [mereka] bawak rebana itu *diorang* [mereka] memang dah sekali dengan tarian?

Pak Su : Ya sekali dengan tarian dan pergerakan. Sebab itu Pak Su cakap tadi, kalau Pak Su tengok satu tarian daripada Turkey lebih kurang pergerakan dengan Rebana Kercing.

Puteri : Sebab saya ingatkan rebana ini asing.

Pak Su : Tidak. Sebab orang Arab guna rebana dan masa Nabi guna rebana ini, untuk buat persembahan nasyid guna rebana. Sebab rebana tidak salah dari segi akidah, jangan gendang. Gendang tidak boleh. Rebana tidak apa.

Puteri : Rebana tidak apalah?

Pak Su : Rebana tidak apa sebab rebana sebelah kalau gendang dua belah tutup itu tidak boleh dari segi hukumnya. Benda yang tutup sebelah boleh tidak apa yang tutup kiri kanan tidak boleh (sambil ketawa).

Puteri : Penari Rebana Kercing ini terdiri daripada siapa?

Pak Su : Penari Rebana Kercing terdiri daripada kanak-kanak yang berumur *sembilan* [9] hingga *dua belas* [12] tahun. Lelaki atau perempuan. Dulu lelaki semua dan apabila keadaan semasa kita ambik yang perempuan pula. Tapi umur *sembilan* [9] hingga *dua belas* [12] tahun sahaja. Tidak lebih daripada itu.

Puteri : Kalau *lapan* [8] tahun?

Pak Su : Kadang-kadang kita ambik juga kalau budak itu berminat. Untuk menjadi ahli atau penari kita terpaksa kena uji bakat dulu budak itu. Kita ada uji bakat cara persempahan.

Puteri : Kenapa Pak Su memilih antara *sembilan* [9] hingga *dua belas* [12] tahun?

Pak Su : Sebab kita ambil daripada asal pun macam itu. Dari dulu-dulu permulaan pun dia ambil daripada kanak-kanak itu sebab dia tidak mahu lebih daripada *dua belas* [12] tahun, bermakna budak ini dah *akal* [akil] baligh dah.

Puteri : Akil baligh?

Pak Su : Disitu salah satunya. Sebab itu dari segi agama ini memang penting. Kalau kita asuh budak dari *lapan* [8], *sembilan* [9] hingga *dua belas* [12] ini memang senang (bunyi motor lalu). Budak akan ikut apa yang kita nak. Sebab itu dari segi peribadi budak itu pun akan terikut-ikut. Apa yang dia rasa dia buat itu masuk dengan jiwa dia. Menjiwai.

Puteri : Macam yang Pak Su cakap uji bakat tadi, ciri-ciri yang Pak Su tengok terhadap budak-budak yang Pak Su nak ambil itu macam mana?

Pak Su : Kebiasaannya kita pergi sekolah kita minta jasa baik sekolah terutama dari segi kurikulum. Kita jumpa cikgu dia minta dia hantar budak. Kita nak buat pemilihan untuk Rebana Kercing. Tapi guru-guru ini akan terima. Dia hantar berapa -- . Memang macam itulah kita akan panggil kita buat taklimat apa semua. Kita suruh dia bergerak sikit kita suruh dia menyanyilah. Suruh dia berkata apa-apa kita nak dengar suara dia itu. Dari segi bergerak itu atas inisiatif kita. Kita sebagai seorang guru adalah benda yang kita nak tengok. Seni ini semua semula jadi. Kalau budak minat tapi tidak ada seni pun memang tidak boleh menari. Begitu dengan suara pun. Suara kata sedap macam mana pun kalau tidak ada seni dia tidak boleh.

Puteri : Lain bunyinya ya?

Pak Su : Lain. Macam itulah, kita dua tiga hari kita panggil. Kita boleh tengok budak ini boleh yang ini tidak boleh. Itu atas pengalaman kita sebagai salah seorang guru.

Puteri : Dah berapa lama Pak Su buat uji bakat ini?

Pak Su : Pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] peringkat pertama Pak Su ambil. Selepas itu tiap-tiap tahun. Sebab budak *dua belas* [12] kita dah tinggal. Sudah kena ambil budak yang baru pula.

Puteri : Memang setiap tahun akan ada uji bakat?

Pak Su : Tiap-tiap tahun akan ada uji bakat. Ada panggil buat latihan.

Puteri : Dimana Pak Su buat uji bakat?

Pak Su : Kita ada dewan kita. Dewan belia. Kita ada dewan In Shaa Allah kita muat

dalam *dua ratus* [200] orang. (bunyi motor lalu) Kita latih pun dalam dewan itulah. Kita dekat dengan sekolah. Dewan dekat dengan sekolah.

Puteri : Tadi Pak Su ada cerita mengenai ciri-ciri pakaian penari. Yang saya ingat mengenai *penekap* [pemekup] dada tu.

Pak Su : Pemekup.

Puteri : Pemekup dada. Apa fungsi pemekup dada tu?

Pak Su : Macam-macam pendapatlah. Bagi paksu pemekup dada ini sebagai perisai. Salah satu sebagai perisai. Bagi Pak Su lah. Sebab dia pakai setakat ini (sambil menunjuk kan tangan ke pusat). Kadang-kadang orang Arab dulu masa Nabi semua pakai perisai masuk peperangan sebagai kemegahan Islam. Sebab itu gambar-gambar yang ada itu pun memang --

Puteri : Dada sahaja ataupun sampai ke pusat?

Pak Su : Sampai ke bawah ini (sambil menunjukkan tangan ke bawah pusat). Bawah daripada pusat lagi. Siba itu adalah semangat kerajaan di istana. *Seba* [siba] orang *Kelate* [Kelantan] kata. Siba dayang. Pakaian dayang-dayang di istana yang belakang itu. Itu dah Kelantan. Kalau orang Arab semua pakai jubah. Di Kelantan siba dayang. *Seba ore daye* [siba orang dayang]. Kain *seba* [siba] orang panggil (bunyi budak kecil menjerit).

Puteri : Itu pun dipakaikan sekali lah?

Pak Su : Pakai sekalilah.

Puteri : (bunyi budak kecil menjerit) Cara dia macam mana? Disilangkan?

Pak Su : Tidak ada silang. Kita pakai terus macam ke bawah (sambil tangan menunjukkan hingga ke pinggang). Menutup bahagian belakang.

Puteri : Bahagian bawah? Bahagian belakang?

Pak Su : Menutup aurat bagi bahagian bawah. Itu yang pakai macam itu.

Puteri : Penekup?

Pak Su : Pemekup dada.

Puteri : Pemekup dada itu diperbuat daripada apa sebenarnya?

Pak Su : Pemekup dada itu diperbuat daripada baldu. Kain baldu yang di bubuh - manik.
Disulam dengan manik. Tapi manik dulu --

Puteri : Dia kainlah?

Pak Su : Dia kain. Kain baldu. Di atas kain baldu itu disulam dengan manik. Dibuat gambar-gambar macam-macam lah. Bunga apa semua.

Puteri : Corak yang Pak Su ada sekarang jenis corak apa?

Pak Su : Banyak corak ada. Bunga. Kebanyakannya bungalah. Awan larat. Lepas itu naga pun ada. Di sini sahaja satu. Baru ni seorang professor daripada China, Universiti China datang *dua* [2] orang. Dia tengok (pemekup dada). Macam mana dia kata -- Lepas itu apa yang saya dapat daripada ustaz masa itu. Adalah

ustaz ni - (sambil berfikir). Astaghfirullah saya lupa. Dia kata sebenarnya naga ini kalau kita pergi ke China pun di masjid ada gambar naga. Itu menunjukkan pada masa Islam tidak melarang. Merupakan satu kemegahan bagi dia. Jadi saya terima apa yang begitu sahajalah. Ada gambar naga di pemekup dada kita.

Puteri : Ada?

Pak Su : Ada. Itu pun satu. Professor dari China itu - dia pun berasa kagum. Macam mana dia kata. Jadi yang Pak Su kata macam itu sahajalah. Apa yang Pak Su dapat, ustaz cakap kemegahan Islam masa itu sebab dia dari China pun dia mengaku memang ada. Di China dia kata ada gambar naga. Sebab itu dia kata dari segi budaya ni China pun ada, di sini pun ada, India pun ada, di Thailand pun ada, di Kampung Laut ini ada.

Puteri : Sebab datang daripada zaman dulu ya?

Pak Su : Sebab datang daripada zaman dulu. Kebanyakan ahli perniagaanlah. Masa tu, yang *mereka* [mencipta pemekup dada] ini satu generasi yang saya rasa memang baiklah. Masa itu setiap seorang ibu bapa anak yang menari peringkat pertama dia buat *sebiji* [satu pemekup dada] untuk anak dia menari.

Puteri : Ouh ibu bapa yang *mereka* [corak pemekup dada]? Bentuk itu?

Pak Su : Ibu bapa yang buatnya. Dengan dia punya idea sendiri. Itu satu keajaiban satu

perkara aneh yang tidak pernah berlaku yang Pak Su rasa lain.

Puteri : Pada zaman dahulu lah?

Pak Su : Zaman dululah. Sebab pemekup dada zaman dahulu hingga ke hari ini yang itu kita pakai. Cuma kita baik pulih, rosak sikit kita tambah. Rosak sikit kita tambah macam itu je.

Puteri : Corak itu masih dipakai hingga sekarang?

Pak Su : Corak itu memang yang asli. Cuma yang belakang dah buruk kita tukar kain lain. Itu sahaja. Sebab itu pernah *muzilem* [muzium] pada tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] dia minta satu pasang untuk pamerkan di muzium. Dia nak bayar. Kita tidak boleh bagi. Sebab kita sudah sahkan ini hak orang Kampung Laut. Tapi In Shaa Allah mungkin ke depan kalau kita buat baru untuk keselamatan.

Puteri : Bagi *diorang* [pihak muzium] simpankan. Sebab kita tidak tahu sampai bila benda ini.

Pak Su : Ya *diorang* [pihak muzium] lebih selamat lagi.

Puteri : (bunyi motosikal lalu) Untuk penari itu berapa ramai sekali penari yang akan menari?

Pak Su : Kalau dulu kita menari *dua belas* [12] orang. Tapi sekarang mengikut keadaan semasa dan keadaan tempat. Sekarang kebanyakan kita menari *sepuluh* [10] orang. *Sepuluh* [10] orang penari, *sepuluh* [10] orang pemuzik.

Puteri : Campur *sepuluh* [10] orang penari, *sepuluh* [10] orang pemuzik?

Pak Su : *Sepuluh* [10] orang pemuzik di atas pentas. Kalau dulu, kalau *dua belas* [12] penari, *dua belas* [12] pemuzik. Sekurang-kurangnya *lapan* [8] penari, *lapan* [8] pemuzik sekarang ini. Kalau tempat yang sempit kita menari *lapan* [8], pemuzik pun *lapan* [8].

Puteri : Penari itu *berpair* [berpasangan] ataupun menari seorang?

Pak Su : Kesemua tarian Rebana Kering *bercouple* [berpasangan] semua. Tapi apabila permulaan masuk akhir dia akan jadi satu barisan. Kalau *lapan* [8] atau *dua belas* [12] pon dia akan jadi satu barisan. Lepas itu baru dia berpecah. Itu yang menunjukkan keakraban, keislaman daripada satu rumpun sahaja. Walau ke mana pergi sekali pun akan berjumpa bersatu balik.

Puteri : Maksudnya setiap pergerakan itu memang akhirnya akan ramai-ramai menari sekali?

Pak Su : Akan ramai-ramai ke depan bersatu semula. Akan jadi satu barisan. Asal masuk satu barisan akhirnya satu barisan walaupun pecah macam mana. Pecahan tari, pecahan gerak ke, akhirnya jadi satu balik. Memang begitu tarian Rebana Kercing.

Puteri : Pak Su pandai jugak menari?

Pak Su : Memang pandai. Memang menari (sambil ketawa).

Puteri : Ouh dari kecik lah? (sambil ketawa)

Pak Su : Dari keciklah. Boleh menarilah.

Puteri : Boleh menarilah. Memang Pak Su tahu tarian dalam Rebana Kercing sahaja ataupun jenis-jenis tarian lain?

Pak Su : Bolehlah tarian lain. Tarian asli Kelantan bolehlah.

Puteri : Alhamdulillah. Tapi yang kebanyakannya Pak Su ini mengajar tarian untuk Rebana Kercing sahajalah?

Pak Su : A.ah.

Puteri : Sampai sekaranglah Pak Su mengajar budak-budak itu?

Pak Su : Ya.

Puteri : Pak Su ada tidak macam *backup* [pembantu] Pak Su?

Pak Su : Memang ada lah. Seorang tidak boleh. Kalau peringkat awal kena ada *dua* [2] orang pembantu. Masa Pak Su mengajar di -- untuk pertandingan sebagai makluman tahun - Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negari Kelantan dia ada pertandingan seluruh Malaysia. Masa itu Pak Su mengajar di pejabat menari Pak Su bawak *dua* [2] orang pembantu. Itulah tahun pertama sekali Kelantan masuk boleh dapat nombor. Tidak pernah. Pak Su buat tarian Rebana Kercing ini Pak Su campur -- kali pertama Kebudayaan Kelantan dapat nombor.

Puteri : Kali pertama ya?

Pak Su : Kali pertama. Dulu bawak tarian lain, bila Pak Su buat tarian Rebana Kercing Kelantan boleh menang sekali.

Puteri : Sebab mungkin orang rasa macam asyik lah zikir-zikir tu kan?

Pak Su : Simbolik. Lepas itu terbaru ini anak Pak Su *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK] buat persembahan. In Shaa Allah dapat nombor jugak baru-baru ini.

Puteri : Baru-baru ini?

Pak Su : Tahun lepas.

Puteri : Dibawa tarian Rebana Kercing ini?

Pak Su : A.ah. Di peringkat universiti-universiti bertanding di *Kolumpo* [Kuala Lumpur] mewakili Kelantan.

Puteri : Ouh dekat *KL* [Kuala Lumpur]. Susah atau tidak nak belajar tarian ini?

Pak Su : Itulah (sambil ketawa). Nak kata susah rasa mudah. Tapi rasa mudah memang susah juga.

Puteri : Yela kita tidak boleh nampak macam senang sahaja kan.

Pak Su : Memang tidak boleh. Sebab pergerakan Rebana Kercing memang berbeza dengan pergerakan lain. Kita ada caranya. Cara pergerakan itu.

Puteri : Maksudnya istimewa tarian itu (tarian Rebana Kercing) dengan tarian lain macam mana?

Pak Su : Tarian Rebana Kercing ini hak dia sahaja. Tidak akan campur seperti masuk dengan zapin ke joget ke tidak.

Puteri : Dia tidak akan ada gabungan?

Pak Su : Tidak ada gabungan. Hak dia sahaja.

Puteri : Memang tarian Rebana Kercing tarian itu sahajalah?

Pak Su : Tarian Rebana Kercing memang itu sahaja. Sebab pergerakan memang macam itu sahaja. Dia tidak boleh tidak.

Puteri : Pernah atau tidak persatuan lain cuba nak gabungkan tarian Rebana Kecing dengan tarian *diorang* [mereka]?

Pak Su : Tidak pernah. Kerana kita buat persembahan pun masing-masing. Kata untuk masuk Rebana Kercing dengan tarian lain memang tidak boleh.

Puteri : *Diorang* [mereka] pun mesti tahu memang tidak boleh ya?

Pak Su : Memang tahu tidak boleh.

Puteri : Tarian ini ada juga lah yang Pak Su ubah sikit? Maksudnya ubah itu apabila Pak Su ubah, maksud dia pun akan berubah atau tidak?

Pak Su : Sikit-sikit memang ada. Apabila kita dapat maklumat umpama kita bergerak macam ini dari segi agama ke dari segi apa ke tidak elok. Dari situ kita ubah. Memang betul kita ada ubah beberapa tempat ada pergerakan-pergerakan seperti

dalam lagu ‘Istadi’. Bila tangan penari yang keadaannya bila diletakkan tangan (bersilang). Jadi bagi kita Islam, katanya ustaz kita tidak hendak macam ini.

Puteri : Bersilang?

Pak Su : Salib. Macam salib. Sekarang buat macam itu. Maknanya pergerakan ke atas ke bawah. Jadi di situ memang ade perubahan. Apabila kita rasa tidak elok, *diorang* [mereka] desak kita memang tidak pakai. Kita tidak mahu dari segi agama apa biar kita sama. Ada beberapa tempat sahaja bukan semualah.

Puteri : Tidak banyak lah pergerakan yang diubah?

Pak Su : Tidak banyak.

Puteri : Maksudnya banyak lagi lah tarian asalnya?

Pak Su : Tidak banyak lagi. Memang banyak lah. Tempat yang dirasa tidak patut dibuat itu kita ubahlah sedikit pergerakannya.

Puteri : Boleh tidak kalau tarian itu diubah keseluruhan?

Pak Su : (ayam berkokok) Kita tidak boleh terima. Pak Su tidak boleh terima.

Puteri : *So [jadi] memang Pak Su tidak boleh terima lah?*

Pak Su : Tidak ada keaslianlah. Sepertimana Pak Su rasa jika dikir barat hari ini, kalau *dua puluh* [20] tahun lepas jauh bezanya. Sekarang tidak berdikir barat dah berdikir karut-karut *kokse* [merepek] dah. Betul tak? Masuk muzium mana ada dikir barat. Dikir barat rebana, gendang, gong, cakna, kesi *diorang* [mereka] panggil. Alat-alat muzik. (bunyi motor lalu) Sekarang masa ini mana ada dikir barat. Itu orang putih bawak daripada dulu. Bukan hak kita. Bagi Pak Su lah.

Puteri : **Betul juga kalau kita dah ubah itu dia memang tidak ada tradisionalnya.**

Pak Su : Tidak ada asli kita. Tidak ada tradisional. Dimana lagi tradisional?

Puteri : **Bagus lah Pak Su masihkekalkan lagi. Maksud dalam setiap tarian tu boleh tidak Pak Su ceritakan? Sikit pun tidak apa.**

Pak Su : Kalau satu dua lagu lah dimana lagu seperti ‘Ya Da Allah Huda’ itu, kita daripada satu rumpun bermakna satu puak lah dia bersatu apabila dah dewasa dah sibuk kerja masing-masing berpecahlah. Tapi akhirnya dia akan bersatu balik bersalaman balik. Silaturrahim Islam semangat keislaman itu memang masih wujud masih kekal dan wajib menerima ajaran Islam. Akan berjumpa balik bersuka ria daripada awal masing-masing pergi akhirnya bersatu balik.

Puteri : Okay yang itu satu, maksudnya walau kita berpecah macam mana pun kita akan bersatu juga. Kalau jenis tarian lain?

Pak Su : Yang lain sepetimana umpama kita ada pesta ada perayaan. Walau macam mana tinggi sekali pun kita rasa megah kita kena ingat kita ada Tuhan. Sebab itu kita akan hormat orang di kanan, orang di kiri, di depan dan di belakang. Juga kita ingat aku adalah manusia aku di bawah satu payung dari Allah S.W.T yang melambangkan maksud pergerakan (bunyi motor lalu).

Puteri : Itulah antara maksudnya ya?

Pak Su : Ya, antara maksudnya. (bunyi motor lalu)

Puteri : Rebana Kercing ada latihan tersendiri. Selalunya berapa lama latihan itu dibuat?

Pak Su : Kita ada program latihan iaitu kita berlatih *dua* [2] kali seminggu (bunyi motor lalu) iaitu pada hari Khamis dengan hari Sabtu. Bermula jam *empat setengah* [4.30] hingga *enam setengah* [6.30] *dua* [2] jam. *Empat* [4] jam seminggu sebab *dua* [2] kali berlatih dalam seminggu. Tiap-tiap penari daripada awal kita ambil, daripada Januari atau Februari (bunyi motor lalu) sekolah buka kita dah cari dan daftar budak untuk buat latihan dan uji bakat. Sekurang-kurangnya *tiga* [3] bulan budak itu baru boleh menari.

Puteri : Pernah lebih tidak dari *tiga* [3] bulan itu?

Pak Su : Ada. Kadang-kadang lebih pun ada. Tapi sekarang memang susah lah. Kadang-kadang lebih *lima* [5] atau *enam* [6] bulan pun ada. Kadang-kadang kita tidak boleh berlatih sekali pun dalam seminggu kerana aktiviti sekolah yang banyak. Budak balik pukul *lima* [5] bila nak berlatih. Dia balik *lima* [5] lebih kita nak berlatih pukul *enam* [6] pukul *tujuh* [7] dah maghrib. *Satu* [1] jam tidak cukup. Budak pun tidak masuk otak dah macam itu nak bergerak. (bunyi ayam berkокok) Itulah paksu rasa mungkin susah sangat nak pikir. Sebenarnya paksu sudah bawa ke Jabatan Kebudayaan dan Jabatan Pendidikan tapi apa yang *diorang* [mereka] boleh buat dah program macam itu. Kita *Non Government Organization* [NGO] sahaja.

Puteri : Selain latihan itu dibuat dalam dewan, pernah tidak Pak Su buat latihan di luar?

Pak Su : Sekali sekala kita buat juga untuk melapangkan otak budak-budak ini. Kita bawa ke pantai ke buat latihan macam hari keluargalah. Kalau di Kelantan ini kita bawa ke Resort Perdana, *Pantai Cahaya Bulan* [PCB]. Malam-malam kita mainlah sekali untuk suka ria.

Puteri : Sekali sekala kan. Tidaklah budak duduk di dalam dewan sahaja.

Pak Su : Ya.

Puteri : Semasa latihan, apa yang biasanya Pak Su akan ajar?

Pak Su : Beberapa cara mengajar Rebana Kercing itu berbeza. Kalau yang lain kita mengajar juga. Tapi Rebana Kercing memang berbeza. Pertama sekali kalau kita kira A sampai Z, peringkat A ini kita akan suruh dia angkat tangan dan kaki. Setakat mana cara kita nak tangan dan kaki dia nak angkat, pergerakan itu yang pertama. Lepas itu yang kedua, kita minta dia perbetulkan *step* [langkah]. Ketiga baru kita suruh dia pecah-pecah. Belum lagi masuk lagu dan muzik. Apabila boleh bergerak *one* [satu], *two* [dua], *three* [tiga], *four* [empat] baru kita ajar lagu. Lagu itu pula diajar secara nyanyi beramai-ramai dahulu. Itu pun tidak betul lagi. Suara pun kita mahu tinggi rendahnya. Bila dah ingat lagu, kita akan masuk dengan pergerakan pula. Itu yang memakan masa. Kalau dia ingat lagu *nenenene* [cuba untuk menyanyikan lagu] tapi tidak tahu pergerakan macam mana. Biar bergerak dengan lagu. Lepas itu kita nak *control* [kawal] lagu.
(bunyi motor lalu)

Puteri : Macam mana cara Pak Su untuk pastikan budak-budak ini cepat untuk faham pergerakan itu? Ada tidak inisiatif Pak Su yang lain?

Pak Su : Sebab itu apabila dari segi pergerakan dengan lagu ini Pak Su beritahu tadi apabila budak itu boleh bergerak sedikit boleh menyanyi sedikit kita akan panggil ibu bapa yang lama-lama sebagai pembantu. *Diorang* [mereka] lah yang tolong memperbetulkan sedikit supaya dia bergerak. Kalau seorang memang tidak mampu. Kalau budak *dua puluh* [20] orang apa kan -- budak akan bergerak supaya dia tahu dia akan duduk disini sebagai tapak, dia akan

menyanyi macam ini dan mahu guna suara setinggi atau serendah ini. Jadi disitulah yang menyebabkan penat sedikitlah. Kita kena guna tenaga lain, tenaga yang dibelakang kita.

Puteri : Maksudnya mak ayah kepada pelajar ini memang bagi *seratus peratus* [100%] sokongan?

Pak Su : Ya In Shaa Allah. Masa ini memang *seratus peratus* [100%] ibu bapa datang hantar dan ambil anak. Itu satu kelebihannya.

Puteri : Sebab *diorang* [mereka] pun pernah juga belajar ya?

Pak Su : Ya dia sendiri pun pernah belajar. Ada kesinambungan macam itulah.

Puteri : Sebab itu anak-anak dia minat sekali?

Pak Su : Ya, kebanyakan begitulah. Guru besar sekolah dan pengetua pun sampai ke anak mereka menari. Cucu-cucu mereka juga begitu.

Puteri : Memang minat dari *family* [keluarga]?

Pak Su : Ya, orang asal Kampung Laut.

Puteri : Siapa yang akan mengalunkan zikir-zikir itu?

Pak Su : Zikir ini seperti Dikir Barat juga, ada ketua yang dipanggil *Tok Joro* [Tok Juara]. Dari segi pemimpin muzik seorang dari segi penari pun seorang. Apabila kita juara bahagian pemuzik ini mainkan lagu pemuzik semua akan menyanyi akan turut serta beramai-ramai. Kalau *sepuluh* [10] tu *sepuluh* [10] lah. Budak yang bergerak itu bergerak sahaja. (bunyi motor lalu) Apabila habis yang pemuzik ini bernyanyi dan palu rebana, dia pula akan menari. Dia bernyanyi sambil bergerak. Kalau ikut asal, dia bergili-gilir. Itu paling asalnya tarian ini. (bunyi budak menjerit) Tetapi sekarang, sekali sahaja. Kita menyanyi dia menyanyi, kita palu rebana sekali sama-sama. Dulu memang muzik dipalu dahulu budak menari. (bunyi budak menjerit)

Puteri : Maksudnya konsep sekarang sambil bernyanyi sambil menari dan berzikir?

Pak Su : Sekali dengan penari. Kalau dahulu masing-masing. Kita palu rebana, main muzik, *diorang* [mereka] menari sahaja. Berbeza dengan yang dahulu.

Puteri : Kenapa Pak Su buat perubahan itu?

Pak Su : Kerana keadaan masa sekarang kita tidak dapat buat persembahan terlalu lama. Sekejap sahaja. Kadang-kadang dia bagi kita *lima* [5] minit. Satu lagu sahaja yang boleh menari di atas pentas. Kalau kita buat macam dulu tidak sempat habislah satu lagu itu. Kalau *sepuluh* [10] minit boleh *dua* [2] lagu. Sekarang ini

tiga [3] lagu kerana sambung terus. Kalau kita sahaja memang tidak cukup masa.

Puteri : Pernah tidak Pak Su buat permintaan untuk lebihkan sedikit masa bagi persembahan itu?

Pak Su : Pernah. Selalu juga kita minta tapi sekarang buat persembahan di pentas-pentas ini sudah terlalu banyak persembahan. Jadi *diorang* [mereka] tidak akan terima. Jadi kita terpaksa kena terima apa-apa pun.

Puteri : Kalau macam itu kumpulan Pak Su dapat masa persembahan dalam *lima* [5] hingga *sepuluh* [10] minit tapi kalau program itu memang khas untuk Rebana Kercing. Berapa lama masa yang diperoleh?

Pak Su : Kita boleh sampai setengah jam *tiga puluh* [30] minit.

Puteri : Lama la ya?

Pak Su : Ya kita boleh buat lama. Boleh *dua* [2] kali menari dalam *sepuluh* [10] hingga *lima belas* [15] minit kita rehat dalam *dua* [2] atau *tiga* [3] minit kita keluar sekali lagi dalam *lima belas* [15] minit.

Puteri : Berapa banyak lagu kalau dapat masa setengah jam itu?

Pak Su : Kalau setengah jam kita dapat dalam *lima belas* [15] lagu. *Sepuluh* [10] hingga

lima belas [15] lagu.

Puteri : Dari segi bayaran, berapa diorang [mereka] akan bayar?

Pak Su : Dari segi bayaran cukup menyediakan. Kalau kita nak banding dengan artis atau *Very Important Person* [VIP]. Apabila kita naik pentas sudah dikira sebagai artis. Tidak kira lah berdikir barat atau Mak Yong ke artis juga. Tapi kalau kita naik pentas di Kelantan ini, tidak lebih daripada *seribu lima ratus* [1500] ataupun *seribu* [1000] sahaja. Itu yang penatnya. Walaupun Jabatan Kebudayaan sendiri.

Puteri : Kadar sekarang diorang bayar ya?

Pak Su : Ya. Sedangkan kita sekurang-kurangnya *dua puluh* [20] orang. Nilailah.

Puteri : Berapa pulak kita nak bahagi *seribu* [1000] lebih tu ya?

Pak Su : Betul. Tidak termasuk tambang kenderaan lagi. Kalau kita pergi *lima* [5] buah kereta, minyak kereta tak kan tidak isi untuk pergi ke ‘Kota Bharu’. *Tiga puluh ringgit* [RM30] sebuah kereta ke Kota Bharu. *Lima* [5] buah dah *seratus lima puluh* [150]. Makan budak lagi tidak boleh bagi *sepuluh ringgit* [RM10] dah sekarang. Sekurang-kurangnya bagi *tiga puluh* [30]. Memang tidak cukup. Ini adalah satu kesedihan. Cukup menyediakanlah. Dari segi kos pembayaran memang tidak cukup.

Puteri : Apakah cabaran paling besar yang Pak Su dengan persatuan Pak Su pernah lalui?

Pak Su : Cabaran besar memang banyaklah kalau ikutkan. Kita pernah dipanggil, dijemput tapi Pak Su tidak mahu beritahu daripada mana kumpulan, *Non Government Organization* [NGO] atau apa-apa. Dijanjikan sedemikian tapi tidak pernah bayar. Ini berlaku. Mungkin di negeri lain tidak tapi di negeri Kelantan memang berlaku. Apa yang akan jadi. Kita persatuan bukannya kaya. Upah dobi sahaja beratus sekarang. Upah dobi pakaian *dua puluh* [20] pasang baju. Macam kita dianiaya. Yang paling penat sekali. Sedangkan kita nak buat pakaian pun tidak sempat. Mujurlah Jabatan Kebudayaan membantu sekali sekala untuk buat pakaian uniform. Kalau tidak permainan lama ini akan tenggelam dan mati begitu sahaja. Tidak berkubur. Ini pendapat Pak Su lah.

Puteri : Sebab tidak dapat sokongan kan?

Pak Su : Tidak dapat sokongan. Ahli-ahli korporat tidak akan bantu permainan macam ini. Tiada keuntungan bagi dia. Ini Pak Su cakap betul-betul. Sepatutnya bidang penyiaran *televisyen* [TV], radio, alat-alat elektronik bolehlah mengangkat naik nama permainan tradisional. Siarkan apa -- bukat setakat di Kelantan, di luar-luar pun. Sekarang berapa banyak permainan-permainan lama yang sudah mati. Di Kelantan berpuluhan-puluhan sudah permainan tradisional yang mati. Jadi macam mana yang tinggal sikit-sikit ini kalau kerajaan atau badan-badan berkanun yang patutnya boleh mengangkat dan menghidupkan kembali permainan ini. Sedangkan negara luar mereka sangat-sangat menjaga perkara seperti ini. Di

Jepun, Korea atau China mereka hidupkan betul-betul. Sumo di Jepun bukan main lagi sekarang. Tapi kita di Kelantan dah nak mati. Bukan dah nak hidup, dah nak mati dan bertambah mati. Pak Su berharap sangat kepada pihak-pihak berkenaan jabatan-jabatan kerajaan atau swasta tolong membantu kumpulan macam ini supaya dapat mengembangkan satu permainan tradisional yang betul-betul menjadi tradisi dahulu. Tidak kira di negeri mana, Kelantan atau negeri lain biarlah ada permaina seperti ini dan menghidupkan semula. Itu sangat penting.

Puteri : Untuk menguatkan lagi persatuan Pak Su, ada tidak Pak Su menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak?

Pak Su : Sebab itu Pak Su cakap, kita nak hantar surat kepada *mereka* [pihak tajaan] tetapi kesemua surat tidak berjaya. Tidak mendapat sambutan dan ianya terputus. Wallahualam tak tahu nak cakaplah. *No comment* [tiada komen] orang panggil. Nak kata tidak berani. Mungkin ada disebalik sebab itu. Kita pernah minta kerjasama dengan *badan-badan* [persatuan] ini, tapi tidak berjaya.

Puteri : Tidak pernah diterima?

Pak Su : Tidak pernah diterima. Tidak berjaya.

Puteri : Pasukan Pak Su cuma berada di bawah Jatan Kebudayaan sahaja ya?

Pak Su : Ya, Jabatan Kebudayaan sahaja. Satu-satunya daripada dulu hingga ke hari ini.

Puteri : Kerjasama dengan pihak lain belum lagi dicapai?

Pak Su : Belum lagi. Kita dah buat macam-macam dah. Akhbar pernah tapi tiada sambutan langsung.

Puteri : Kalau macam ada kerjasama dengan akhbar bolehlah hujung minggu disiarkan mengenai permainan ini.

Pak Su : Ya. Tapi tidak ada. Kita tidak dapat. Jadi sekarang ini Pak Su berharap sangat kepada universiti-universiti khususnya di Kelantan seperti *Universiti Teknologi Mara* [UiTM] dan *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK]. Diorang [mereka] inilah sepatutnya mengambil alih supaya menghidupkan balik. Kalau tidak, tidak perlulah. Nak mati begitu pun tidak apa.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENDAPAT TOKOH

Puteri : Pada pendapat Pak Su, memang Rebana Kercing telah diancam kepupusan?

Pak Su : Memanglah. Ini Pak Su ada, kalau Pak Su tidak ada tidak tahu lah. Mungkin budak-budak muda dia tidak ada semangat. Walaupun dia ada minat, tapi kalau tidak pendorong tidak boleh juga. Akan hilang begitu sahaja.

Puteri : Pada pendapat Pak Su macam mana atau apa cadangan Pak Su untuk mengekalkan Rebana Kercing ini? Pada belia ataupun remaja zaman sekarang?

Pak Su : Salah satu yang Pak Su harap sangat semua jabatan terutamanya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian di setiap negeri supaya inisiatif daripada mereka tolong membantu sedikit sebanyak persatuan-persatuan seperti Rebana Kercing dari segi kewangan, dari segi moral, dari segi idea. Kalau tidak -- sekarang ini yang paling susah sekali kita nak mendapat tarikan bermain Rebana Kercing ini. (siren berbunyi).

Puteri : Pada pendapat Pak Su adakah bagus kalau seni kesenian, contoh seperti Rebana Kercing, Mak Yong diterapkan dalam setiap universiti di Malaysia?

Pak Su : Sepertimana tadi Pak Su cakap, Pak Su berharap sangat di Kelantan ini terutama seperti *Universiti Teknologi Mara* [UiTM] ataupun *Universiti Malaysia*

Kelantan [UMK] mengambil alih permainan ini. Kalau tidak memang akan berlaku kepupusan ataupun hilang begitu sahaja.

Puteri : Patutnya dijadikan satu subjek khusus?

Pak Su : Patutnya dijadikan subjek khusus di universiti terutama Kelantan ini. Kalau di negeri lain lagi baguslah.

Puteri : Kalau seluruh Malaysia lagi bagus kan?

Pak Su : Ya sebab pengalaman Pak Su, Pak Su pernah mengajar di Maktab Perguruan Kota Bharu setahun. Budak yang bagus salah seorang nya ialah budak Sabah, yang *kedua* [ke-2] budak Johor, yang *ketiga* [ke-3] budak Perak. Perempuan. Tiga-tiga perempuan. Budak maktab perguruan. Tapi apabila dia balik sahaja, dia memberitahu Pak Su dia seorang dia nak buat apa, tiada ahli lain. Alat nak cari dimana. Di sekolah, kalau pengetua tidak berminat permainan ini, memang mati. Tiada langsung. Jadi tidak ada. Kita berasa frust [tertekan]. Budak memang pandai, cantik cara pergerakan, dia pula ada seni. Tapi dia beritahu, “Susahlah kita tidak boleh buat apa-apa. Kita minta dengan sekolah, sekolah tidak layan langsung”. Itu yang Pak Su berharap sangat. Kalau universiti tidak mengambil alih permainan ini mungkin satu hari nanti akan hilang begitu sahaja. Pak Su berharap sangatlah.

Puteri : Patut tidak kalau alat-alatan ini diperkenalkan lagi?

Pak Su : Itu penting. Sebab itu di *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK] Pak Su dah bercakap dengan seorang professor dia untuk menyuruh dia buat peralatan seperti pemekup dada dan lain-lain *costume* [pakaian] suruh dia buat untuk *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK] sahaja. Letak dan simpan satu set di sana. Khas untuk *diorang* [mereka]. Walaupun tiada penari, biarlah satu set peralatan di situ. Sebab itu kita akan bagi risalah lagu Pak Su dah buat dah supaya senang. Lagu ada dah. CD dah tengok dah CD tu? Yang itu separuh lagu. (bercakap dengan anaknya)

Puteri : Apakah langkah atau cara Pak Su nak menggalakkan penglibatan golongan muda untuk *join* [terlibat] persatuan Rebana Kercing?

Pak Su : Masalah ini senang sahaja. (bunyi budak menjerit) Kalau di Kampung Laut ini mudah benda itu bagi Pak Su. Kita panggil perhimpunan atau apa-apa dan biasanya *diorang* [mereka] akan keluar. Berates orang akan keluar. Pak Su pernah buat macam-macam aktiviti In Shaa Allah benda itu tidak menjadi masalah. Cuma masalah yang besar sekali ialah masalah kewangan dan sumbangan orang kepada kita. Itu yang paling penting.

Puteri : Media massa pun tidak banyak yang menyokong ya?

Pak Su : Media massa bukan tidak menyokong tapi apabila kita buat komen-komen, kadang-kadang tidak keluar dalam akhbar. Mungkin dari segi negeri boleh

diterima tapi apabila sampai diperingkat atas *diorang* [mereka] rasa tidak boleh. Jadi disitu kita rasa sedihlah tidak mendapat sokongan. Saya rasa kalau dapat sokongan daripada agensi-agensi kerajaan, agensi swasta, ahli-ahli koperat In Shaa Allah permainan ini akan hidup beratus tahun dan akan lebih maju lagi. Kalau negara luar lama dah permainan macam ini akan hidup terus tapi kita di Malaysia ini memang berbeza. *Diorang* [mereka] semua mencari keuntungan yang besar sahaja. Tidak kira agensi kerajaan atau swasta. Sebab itu Pak Su sangat berharap -- Pak Su dah *enam puluh* [60] tahun menari apa yang Pak Su dapat. Tapi kerana semangat dan kerana darah daging seni masih ada lagi. Kalau tidak sudah terkubur lama.

Puteri : Sebabkan semangat itulah Pak Su masih lagikekalkan Rebana Kercing ini?

Pak Su : Ya. Dari segi agamanya, dari segi jati dirinya. Bila dalam Rebana Kercing In Shaa Allah budak akan menjadi baik. Tidak akan menjadi selain daripada itu.

Puteri : Sebab Rebana Kercing ini berunsurkan zikir kan?

Pak Su : Ya berunsurkan zikir dan keagamaan. Dengan sendirinya akan menjawai dan menghayati apa yang dia lakukan pergerakan. Dia terasa “Aku bergerak ni cuma aku dengan Tuhan sahaja yang tahu”.

Puteri : Jadi apa jangkaan Pak Su mengenai Rebana Kercing ini pada *sepuluh* [10] tahun ataupun *dua puluh* [20] tahun yang akan datang?

Pak Su : Dalam perkiraan otak Pak Su kalaularah badan-badan terutama badan-badan kerajaan, agensi kerajaan. Kalau tidak mengambil inisiatif bukan setakat Rebana Kercing, yang lain juga akan mati begitu sahaja. Akan terkubur begitu sahaja. Sebab itu kepada generasi-generasi baru yang belajar tinggi-tinggi yang besar-besar *Doctor of Philosophy* [PHD] biar ada semangat, jiwa dan jati diri. Roh semangat kita Melayu, semangat Islam, semangat Melayu, semangat jati. Roh itu yang penting. Sebab itulah dari segi roh semangat yang paling penting sekali. Kalau gaji berpuluhan ribu pun tiada jiwa itu kosonglah bagi Pak Su. Sebab itu Pak Su berharap sangat kesemua generasi-generasi baru. Sebesar mana pun kita ingat yang kita ada Allah supaya hidupkanlah kesenian yang tidak bercanggah dengan agama. Bantulah permainan ini. (bunyi motor lalu) Pak Su yang sudah *tujuh puluh* [70] sudah tidak bertenaga untuk membantu. *Diorang* [mereka] pun sudah tiada sudah keluar masuk -- Kalau tidak ada yang bantu memimpin, akan ghaib begitu. Pak Su berharap sangat terutama universiti-universiti, professor-professor, yang ada di Kelantan ini dan ahli-ahli pakar seni (sambil ketawa). Tolong dengar apa yang Pak Su nak cakap ni, bukan Pak Su nak menentang nak komen benda bukan-bukan tapi atas jati diri Pak Su hati kecil nurani Pak Su yang betul-betul berharap (gelak). Jadi kalau ada salah silap Pak Su minta maaf.

Puteri : Maksudnya dari apa yang Pak Su cakap memang pernah Pak Su terfikir nak memperkembangkan Rebana Kercing ke seluruh Malaysia?

Pak Su : Ya memang ke seluruh Malaysia dan Pak Su dah buat lawatan ke seluruh Malaysia dengan Rebana Kercing ini. Sabah, Sarawak habis dah. Tapi sama macam hari ini juga tidak berkembang. Sepatutnya dah ke seluruh Malaysia kita pergi sepatutnya dah berbeza, dah meningkat tapi masih tahap yang sama. Ini pun sebab mereka ada lagi yang masih menerima lagi kalau yang hari ini sudah tidak sanggup apa yang akan jadi pada permainan tradisional kita. Yang dah mati berapa banyak dah permainan yang mati. Kalau Pak Su sebut pun semua tidak tahu. ‘Rebana Besar’ sudah tiada, mungkin tidak kenal. ‘Zikir Labor’ tidak tahu macam mana dah. Jadi Kelantan tinggal Rebana Kercing dan Mak Y ong sahaja yang betul-betul *ori* [asli] yang masih ada. Kalau tidak generasi depan tidak ada langsung jati diri Kelantan.

Puteri : Tiada benda yang melambangkan Kelantan?

Pak Su : Tiada. Bukan setakat Kelantan, mungkin negeri lain begitu juga. Pak Su tidak mahu sebut tapi Pak Su tahu lah negeri-negerinya yang hampir mati dan mati permainan tradisionalnya. (bunyi motor lalu) Kita ada buat kajian dan kita ada maklumat.

Puteri : Jadinya benda ini kena datang dari diri sendiri?

Pak Su : Ya diri sendiri. Ada semangat dan ada roh untuk mengembangkan apa kita patut buat. Apa kita patut berbakti pada negeri kita, kampung kita, negara kita.

Puteri : Akhir sekali apa yang betul-betul Pak Su berharap untuk Rebana Kercing di masa hadapan?

Pak Su : Cuma satu yang Pak Su harap pada pihak-pihak berkenaan tolong membantu dan mengangkat naik permainan ini. Tolong hidupkan jangan sekadar tengok dan cakap dan tidak berbuat apa-apa. Itu sahaja Pak Su nak cakap. Kalau *diorang* [mereka] ini sanggup membantu, sanggup mengangkat, sanggup membuat apa yang baik In Shaa Allah permainan ini tidak akan mati. Kalau setakat mulut hendak bercakap memang tidak menjadi apa dan tiada faedah. Paksu cakap betul. Biar *diorang* [mereka] nak cakap apa pun. Pak Su hidup dalam seni *enam puluh* [60] tahun. Pak Su buat persembahan lebih daripada *dua ribu* [2000] dan sudah dirasmikan oleh jabatan. Setakat umur Pak Su ini *dua ribu* [2000] persembahan Pak Su buat. Kalau dengan Siti Nurhaliza lebih Pak Su lagi. Sudah diiktiraf.

Puteri : Terima kasih Pak Su sebab sudi luangkan masa untuk temuramah ini dan kami berharap Rebana Kercing akan sentiasa diingati pada zaman akan datang dan sentiasa dimainkan.

Paksu : In Shaa Allah.

Puteri : Assalamualaikum.

Pak Su : Waalaikummussalam Warahmatullah.

TAMAT BAHAGIAN 4

LAMPIRAN

LOG

WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Puteri Umi Kalsum Binti Megat Ibrahim dan Nor Faizzahton Binti Shahidan telah menemurah Encik Harun Bin Hasan. Temuramah ini telah di buat di rumah Encik Harun Bin Hasan yang terletak di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Skop temubual merangkumi latar belakang tokoh, permainan Rebana Kercing, tarian dalam Rebana Kercing dan pendapat tokoh mengenai permainan Rebana Kercing pada masa kini.

LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT/DIRUJUK
1:01	Latar Belakang Tokoh	<ol style="list-style-type: none">1. Harun Bin Hasan2. Sekolah Melayu, Kampung Laut.3. Kampung Laut
2:52	Nama Gelaran Tokoh	<ol style="list-style-type: none">1. Pak Su Harun Rebana Kercing
3:18	Bilangan adik-beradik	<ol style="list-style-type: none">1. Lima beradik2. Bongsu
4:19	Nama isteri	<ol style="list-style-type: none">1. Gayah Binti Wan Jusuh2. Wan Khadijah Binti Wan Jusuh
4:58	Nama anak-anak	<ol style="list-style-type: none">1. Muhammad Khaiha Bin Harun2. Nor Fikriah Binti Harun3. Fakrullah Bin Harun4. Muhammad Hafiz Bin Harun5. Nor Hafiza Binti Harun6. Nor Haryati Harun7. Nor Hafizan Binti Harun8. Muhammad Azlan Bin Harun
6:00	Pekerjaan pertama tokoh	<ol style="list-style-type: none">1. Berniaga serunding2. Turun-temurun
7:27	Ahli keluarga yang berminat dengan Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none">1. Guru Rebana Kercing2. En Ahmad Bin Yusuf

8:09	Orang yang pernah menemuramah tokoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semua university di Malaysia 2. Kecuali <i>UIAM</i> [Universiti Islam Antarabangsa Malaysia] 3. Jabatan kerajaan 4. BERNAMA 5. TV3 6. TV1
8:58	Anugerah yang diperolehi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pingat Bakti 2. Tokoh Penggiat Budaya Negeri Kelantan 3. Tokoh Budaya 4. Tokoh Permainan Tradisional Negeri Kelantan
10:10	Persatuan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Badan Kesenian Rebana Kercing
11:09	Ahli Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. 50 orang
11:40	Persembahan Antarabangsa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Singapura 2. Bangkok, Thailand 3. Persidangan Islam Peringkat Antarabangsa

PERMAINAN REBANA KERCING

12:30	Asal usul Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Arab Parsi 2. Pedagang 3. Masjid Kampung Laut 4. Mengembangkan syiar islam 5. Zikir
15:16	Rebana Kercing sebagai hiburan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Persembahan di istana 2. Tempat-tempat khas
15:56	Motif Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengembangkan syiar islam 2. Syair arab 3. Memuji kebesaran tuhan, nabi

		dan para sahabat.
17:02	Penerimaan rakyat Kelantan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Suka 2. Pasir Tumboh 3. Salor 4. Kampung Laut
18:32	Asal perkataan Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dikir Rebana Kercing 2. Zikir 3. Turki 4. Tembaga 5. Rebana Telinga 6. Kulit kambing
19:59	Mula-mula dimainkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kampung Laut
20:16	Pengasas Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pak Su Besar 2. Mohammad Amin Bin Taib 3. Pak Min Juara Dikir 4. Ahmad Bin Yusuf
21:41	Tujuan utama Rebana Kercing dimainkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hiburan rakyat 2. Mengembangkan syiar Islam
22:21	Penglibatan tokoh dalam Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. 60 tahun
22:41	Pendorong	<ol style="list-style-type: none"> 1. Minat sendiri
24:15	Faktor meneruskan permainan Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membuka minda 2. Agama 3. Sikap baik 4. Berdisiplin 5. Akademik cemerlang
26:57	Peranan tokoh dalam Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penasihat 2. Ketua juru latih
28:08	Kekerapan membuat persembahan	<ol style="list-style-type: none"> 1. 50 persembahan 2. RM50,000 setahun

28:52	Alatan penting dalam Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kostium 2. Pemekup dada 3. Seba Dayang 4. Buah La 5. Rebana 6. Paluan anak 7. Paluan ibu 8. Paluan tikam
30:23	Bilangan pemalu rebana dan penari	<ol style="list-style-type: none"> 1. 8, 10, 12 orang
30:39	Usia peralatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. 150 tahun 2. Baik pulih
31:24	Pembuatan Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kayu nangka 2. Kayu sena 3. Kayu lebang 4. Belulang kambing
32:42	Punca rebana rosak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kulit kambing pecah 2. Jemalan pecah
33:24	Keistimewaan Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kercing 2. Masuk dengan lagu 3. Orang ikut berzikir
35:36	Pemalu Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bapa 2. 13 tahun 3. Diajar memalu rebana
36:42	Jenis lagu	<ol style="list-style-type: none"> 1. 50 lagu 2. 26 lagu yang tinggal 3. Tidak direkodkan 4. Jabatan Kebudayaan & Kesenian 5. Program Pemuliharaan 6. Direkod dan ditulis
39:35	Lagu-lagu diperbaharui	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak diperbaharui 2. Tradisional 3. Asli

39:59	Cara paluan diperbaharui	1. Tidak diubah
40:25	Nama-nama lagu	1. Lagu pembukaan 2. Lagu penutup 3. Selawat ‘Solatullah’ 4. Solatullah alanabi’ 5. ‘Ya Rasulullah Ya Habiballah’

TARIAN DALAM REBANA KERCING

42:3	Jenis tarian	1. Ada maksud 2. Kita serumpun
44:02	Nama tarian	1. Ya Rasulullah 2. Istadi 3. Maulana 4. Malza’aza 5. Yaduya 6. Ya Ayu 7. Ala Tu Fa Bi Ha
45:27	Pencipta tarian	1. Pedagang Arab Parsi 2. Dibawa sekali dengan rebana
46:41	Penari Rebana Kercing	1. Kanak-kanak 2. Berumur 9 hingga 12 tahun 3. Lelaki dan perempuan
48:00	Ciri-ciri penari dalam ujibakat	1. Pergerakan 2. Suara
49:10	Ujibakat	1. Tahun 1973 2. Setiap tahun 3. Dewan Belia
49:59	Fungsi pemekup dada	1. Sebagai perisai

51:23	Pemekup dada	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kain baldu 2. Manik 3. Bunga 4. Awan larat 5. Naga
53:31	Pereka corak pemekup dada	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ibu bapa
54:49	Jumlah penari	<ol style="list-style-type: none"> 1. 10 penari 2. 10 pemuzik 3. Berpasangan
58:56	Keistimewaan tarian Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak bercampur 2. Hak tersendiri
1:00:00	Ubahsuai pergerakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diubah 2. Lagu Istadi
1:02:13	Maksud tarian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berpecah dan bersatu 2. Hormat
1:03:44	Masa untuk berlatih	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dua kali seminggu 2. Khamis dan Sabtu 3. Pukul 4.30 hingga 6.30 petang
1:06:08	Perkara yang diajar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pergerakan kaki dan tangan 2. Kemahiran lagu
1:09:12	Pengalun zikir	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tok juara 2. Penari dan penyanyi
1:11:50	Masa persesembahan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Satu lagu sepuluh minit 2. 15 lagu dimainkan
1:16:27	Kerjasama kerajaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tiada sambutan 2. Jabatan Kebudayaan Negeri.
1:17:44	Status Rebana Kercing	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diancam kepupusan

PENDAPAT TOKOH

1:18:18	Cadangan untukkekalkan Rebana Kercing	1. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
1:19:21	Seni kesenian dalam Universiti	1. Uitm atau UMK 2. Subjek kursus dalam Universiti
1:21:05	Pengenalan alatan Rebana Kercing	1. Diletakkan di UMK
1:21:58	Penglibatan golongan muda	1. Mendapat sokongan
1:24:40	Jangkaan pada 20 tahun akan datang	1. Sokongan rakyat dan badan kerajaan 2. Generasi baru
1:29:06	Harapan	1. Bantu dan menaikkan Rebana Kercing

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00pg-10.00pg	17 Mac 2016	Pemilihan topik Topik yang dipilih ialah mengenai pengorbanan Puteri Saadong.	Memilih topik yang kebanyakkan masyarakat tidak tahu akan cerita sebenarnya.
8.00pg-10.00pg	17 Mac 2016	Mencari maklumat yang lebih terperinci mengenai pengorbanan Puteri Saadong terhadap Negeri Kelantan	Pencarian maklumat melalui laman sesawang.
12.00tghri- 2.00ptg	20 Mac 2016	Mendapatkan maklumat mengenai tokoh yang boleh ditemubual iaitu tokoh yang boleh menceritakan mengenai pengorbanan Puteri Saadong.	Pergi ke Muzium Negeri Kelantan. Mendapatkan nombor tokoh yang boleh ditemubual daripada pihak Muzium Negeri Kelantan.
3.00ptg-6.00ptg	20 Mac 2016	Mendapatkan maklumat tambahan dengan mengenal lebih rapat penduduk yang tinggal di Kampung Puteri Saadong.	Pencarian Kampung Puteri Saadong.
2.30ptg-2.45ptg	22 Mac 2016	Mengambil nombor telefon tokoh sebenar yang dapat menceritakan mengenai pengorbanan Puteri Saadong.	Membuat panggilan telefon kepada Encik Wan Jaafar iaitu pegawai Muzium Negeri Kelantan.

9.00pg-9.15pg	23 Mac 2016	Meminta kebenaran untuk menemubual tokoh dan menetapkan tarikh untuk perjumpaan pertama.	Membuat panggilan kepada Raja Yusuf.
2.30ptg-4.30ptg	25 Mac 2016	<p><u>Perjumpaan pertama bersama tokoh</u></p> <p>Perjumpaan berlaku di hotel Jembal Dynasty Inn iaitu hotel milik tokoh bertujuan untuk mengetahui biodata tokoh dan sedikit sebanyak mengenai pengorbanan Puteri Saadong dan Perjumpaan bersama tokoh berlaku selama 2 jam.</p>	<p>Mencatat segala perkara penting yang dinyatakan oleh tokoh.</p> <p>Mengambil rujukan segala bahan bukti yang diberikan oleh tokoh.</p>
11.00pg-1.30tghr	24 April 2016	<p><u>Pertukaran topik, tokoh dan berjumpa dengan tokoh</u></p> <p>Tajuk yang dipilih ialah berkaitan dengan permainan tradisional iaitu Rebana Kercing.</p> <p>Mendapatkan maklumat mengenai tokoh yang boleh ditemubual iaitu tokoh yang boleh menceritakan mengenai permainan Rebana Kercing</p> <p>Meminta kebenaran untuk menemubual tokoh dan menetapkan tarikh untuk perjumpaan pertama.</p>	<p>Memilih topik yang kebanyakkan masyarakat telah mula melupakannya.</p> <p>Menghubungi pihak Jabatan Kebudayaan dan keseniaan Negeri Kelantan untuk mendapatkan nombor tokoh yang boleh ditemubual.</p> <p>Membuat panggilan kepada Encik Harun Hasan.</p>
4:00ptg-6:00ptg	24 April	<u>Perjumpaan pertama bersama</u>	Mencatat segala

	2016	<p><u>tokoh</u></p> <p>Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk mengetahui biodata tokoh dan sedikit sebanyak mengenai permaianan Rebana Kercing. Perjumpaan bersama tokoh berlaku selama 2 jam.</p>	<p>perkara penting yang dinyatakan oleh tokoh.</p> <p>Mengambil rujukan segala bahan bukti yang diberikan oleh tokoh.</p>
3:40ptg-6:00ptg	26 April 2016	<p><u>Perjumpaan kedua bersama tokoh</u></p> <p>Perjumpaan berlaku di rumah tokoh bertujuan untuk melakukan temubual secara formal bersesuaian dengan tugasan yang diberi.</p>	Merakam sesi temubual dengan tokoh.
5:15ptg	7 Mei 2016	<p><u>Lakaran pertama</u></p> <p>Lakaran transkrip wawancara untuk pemeriksaan oleh pensyarah.</p>	Menghantar lakaran kepada pensyarah.
2.00ptg-4.00ptg	18 Mei 2016	<p><u>Pembentangan tajuk</u></p> <p>Pembentangan penuh mengenai tajuk yang dipilih.</p>	Menceritakan mengenai perjalanan Rebana Kercing.
3.30ptg-4.00ptg	23 Mei 2016	<p><u>Lakaran kedua</u></p> <p>Lakaran transkrip wawancara untuk pemeriksaan oleh pensyarah.</p>	Menghantar lakaran kepada pensyarah.
10.00pg-2.00ptg	5 Jun 2016	<p><u>Penggabungan transkrip penuh</u></p> <p>Menggabungkan transkrip untuk dicetak</p>	Mencetak transkrip penuh di kedai.
10.00pg	8 Jun 2016	<p><u>Penghantaran cetakan transkrip penuh</u></p> <p>Penghantaran transkrip penuh adalah untuk dibukukan.</p>	Menghantar transkrip penuh kepada orang yang berkenaan.

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

LATAR BELAKANG TOKOH

1. Apakah nama penuh encik?
2. Apakah nama gelaran encik?
3. Berapakah umur encik sekarang?
4. Bilakah tarikh lahir encik?
5. Dimanakah encik dibesarkan?
6. Berapakah jumlah adik-beradik encik?
7. Encik anak yang ke berapa?
8. Berapakah umur encik ketika berkahwin?
9. Siapakah nama isteri encik?
10. Isteri encik berasal dari mana?
11. Berapakah bilangan anak encik?
12. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
13. Boleh encik nyatakan nama anak encik?
14. Apakah yang mereka lakukan sekarang?
15. Berkenaan sejarah pendidikan encik, apakah tahap pendidikan encik?
16. Dimanakah sekolah rendah encik?
17. Adakah encik melanjutkan pelajaran selepas habis sekolah rendah?
18. Bolehkah encik kongsi dengan kami pekerjaan pertama encik?
19. Dimanakah tempat encik berkerja sebelum ini?
20. Ketika itu berapakah umur encik?
21. Berapa lamakah encik bekerja disitu?
22. Apakah pekerjaan encik sekarang?
23. Ada tak adik beradik, anak atau cucu encik yang melibatkan diri dalam permainan ini?
24. Encik pernah ditemuramah oleh sesiapa mengenai Rebana Kerching sebelum ini?
25. Apakah pencapaian atau anugerah yang pernah encik peroleh sepanjang terlibat di dalam Rebana Kerching ini?
26. Pada tahun berapa? Siapakah yang menyampaikan anugerah tersebut?
27. Apa perasaan encik apabila mendapat anugerah atau penghargaan tersebut?
28. Adakah Rebana Kerching mempunyai persatuan tersendiri?
29. Pada tahun bilakah persatuan ini ditubuhkan?

30. Adakah Persatuan Rebana Kerching ini telah didaftarkan?
31. Berapakah jumlah keseluruhan ahli Persatuan Rebana Kerching?
32. Adakah Persatuan Rebana Kerching ini pernah dipanggil untuk membuat persembahan ke peringkat antarabangsa?

REBANA KERCHING

33. Boleh tak encik ceritakan sikit tentang permainan Rebana Kerching ini?
34. Darimanakah asal Rebana Kerching?
35. Bagaimanakah Rebana Kerching dibawa masuk ke Kelantan?
36. Pada zaman dahulu, adakah Rebana Kerching menjadi satu hiburan kepada rakyat?
37. Adakah Rebana Kerching ini mempunyai kepercayaan yang tersendiri?
38. Bagaimanakah penerimaan rakyat Kelantan terhadap Rebana Kerching?
39. Dari mana asalnya perkataan Rebana Kerching ini?
40. Dimanakah tempat permainan ini mula-mula sekali dimainkan?
41. Siapakah pengasas kepada permainan ini?
42. Apakah tujuan Rebana Kerching dipersembahkan?
43. Sejak bilakah encik menceburkan diri dalam permainan ini? Pada usia berapa atau tahun berapa?
44. Jadi dah berapa lama encik terlibat dalam permainan Rebana Kerching ini?
45. Siapakah atau apakah faktor yang mendorong encik untuk terlibat dalam permainan ini?
46. Siapakah guru pertama yang mengajar encik Rebana Kerching?
47. Apakah faktor yang menyebabkan encik meneruskan permainan Rebana Kerching ini?
48. Apakah peranan encik di dalam Rebana Kerching ini?
49. Apakah matlamat dan prinsip encik?
50. Kiranya permainan ini hanya wujud di Kampung Laut sahaja atau ada juga di tempat lain? Kalau ada boleh encik nyatakan di mana?
51. Selalunya dimanakah Rebana Kerching ini dipersembahkan?
52. Seberapa kerapkah Persatuan Rebana Kerching ini di jemput untuk membuat persembahan?
53. Apakah alatan yang penting dalam permainan Rebana Kerching?

54. Berapakah usia peralatan yang digunakan?
55. Rebana Kerching diperbuat daripada apa?
56. Berapa kerap rebana ini akan ditukar?
57. Apakah keistimewaan Rebana Kerching daripada rebana yang lain?
58. Setiap kali rebana dimainkan, berapa orangkah yang akan menjadi pemalu rebana?
59. Siapakah yang menjadi pemalu rebana?
60. Adakah lagu yang dimainkan mempunyai persamaan dengan dikir barat?
61. Berapa jenis lagu yang ada?
62. Adakah lagu atau zikir ini masih didendangkan?
63. Adakah lagu atau zikir ini diperbaharui mengikut peredaran masa atau masih mengekalkan yang lama?
64. Boleh encik nyatakan nama lagu yang dimainkan?

TARIAN

65. Apakah jenis tarian yang dipersembahkan?
66. Apakah nama tarian yang ada dalam Rebana Kerching?
67. Siapakah yang mencipta tarian ini?
68. Penari Rebana Kerching terdiri daripada siapa?
69. Berapa ramai penari dalam kumpulan itu?
70. Apakah nama pakaian yang dipakai oleh penari?
71. Apakah ciri-ciri pakaian yang dipakai oleh penari?
72. Apakah fungsi penekap dada yang dipakai oleh penari?
73. Daripada apakah ianya dibuat?
74. Adakah encik juga pandai menari?
75. Siapakah yang menjadi tenaga pengajar Rebana Kerching sekarang?
76. Adakah tarian ini sukar untuk dipelajari?
77. Dari manakah encik mendapat idea untuk membuat pergerakan baru?
78. Ada apa-apa syarat tak untuk turut serta menjadi ahli kumpulan ini?
79. Adakah encik ada membuat uji bakat?
80. Selalunya berapa kali uji bakat diadakan?
81. Siapakah yang boleh menyertai uji bakat ini?
82. Dari usia berapa?

83. Elemen apakah yang di ambil kira ketika uji bakat?
84. Adakah tarian dalam Rebana Kerching diperbaharui mengikut peredaran zaman?
85. Adakah tarian yang dipersembahkan mempunyai maksud tersendiri?
86. Boleh encik ceritakan maksud yang ada dalam setiap pergerakkan tarian?
87. Ada latihan dijalankan tak dalam Rebana Kerching ni? Mengapa?
88. Di mana biasanya latihan dilakukan?
89. Selalunya latihan mengambil masa berapa lama? Ada hari-hari tertentu ke untuk latihan dijalankan?
90. Berapa jam bagi setiap satu sesi latihan?
91. Apa yang biasa dilakukan semasa latihan?
92. Berapa lamakah tempoh yang di perlukan untuk ahli menguasai tarian?
93. Siapakah yang akan mengalunkan zikir-zikir dalam persembahan Rebana Kerching?
94. Apakah cabaran dan pengalaman yang encik dan ahli kumpulan pernah lalui sepanjang menceburkan diri dalam Rebana Kerching ini?
95. Adakah Rebana Kerching mempunyai pantang larang yang perlu dipatuhi?
96. Adakah setiap tarian dipengaruhi oleh lagu atau zikir yang dimainkan?
97. Ada jalankan kerjasama dengan mana-mana pihak?

PENDAPAT

98. Adakah Rebana Kerching ini diancam kepupusan?
99. Apakah cadangan encik untuk mengekalkan permainan Rebana Kerching ini dalam kalangan masyarakat sekarang terutamanya golongan muda?
100. Pada pendapat encik, adakah bagus jika Rebana Kerching ini diperkenalkan kepada pelajar university atau belia?
101. Pada pendapat encik, adakah pihak media massa memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat tentang permainan Rebana Kerching ini?
102. Apakah langkah yang encik lakukan untuk menggalakan penglibatan golongan muda dalam permainan Rebana Kerching ini.
103. Apakah jangkaan encik terhadap permainan Rebana Kerching ini selepas sepuluh tahun akan datang? Akan dilupakan atau dikembangkan lagi ke seluruh Kelantan?
104. Adakah encik pernah terfikir untuk memperkenalkan Rebana Kerching ke seluruh Malaysia?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ...EN HAQIN BIN HASAN..... Pada...26 APRIL 2016.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyeleidik.


5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyeleidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.

Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

GAMBAR



Rajah 3: Tokoh menunjukkan koleksi keratan akhbar



Rajah 4: Bergambar bersama tokoh selepas selesai sesi temuramah



Rajah 5: Salah satu gambar ketika tokoh menerima anugerah



Rajah 5 & 6: Antara koleksi keratan akhbar mengenai Rebana Keling



Rajah 7: Pakaian yang dipakai oleh penari

INDEKS

INDEKS

A

Ahmad, 12, 19, 27, 76, 78
Aswara, 15
Anak, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 23, 26, 28
Alatan, 32, 33, 68, 78, 79, 82

B
Bangkok, 21, 77
BERNAMA, 19, 77
Berniaga, 17, 23, 76
Bongsu, 15, 16, 17, 76
Buah, 32, 62, 79

D
Dayang, 32, 45, 79
F
Fakrullah, 17, 76

G
Gayah, 16, 76
Gabungan, 53, 86,
Gendang, 42, 55
Golongan, 68, 82, 91
Guru, 26, 27, 30, 44, 59, 67, 76

H

Harun, 10, 12, 14, 15, 17, 76, 85
Hari, 14, 15, 17, 18, 19, 22, 23, 25

J

Jabatan, 19, 31, 37, 57, 62, 63, 64, 65, 66, 72
Juara, 27, 37, 60, 78, 81
Jangkaan, 70, 82, 91

K

Kampung Laut, 17, 18, 20, 22, 47, 68, 77
Kesinambungan, 23, 37, 59
Kanak-kanak, 12, 20, 28, 43, 80
Kercing, 14, 18, 20, 25, 32, 71

L

Lagu, 12, 24, 35, 36, 37, 38, 39, 40
Lelaki, 12, 15, 32, 43, 80
M
Masjid, 23, 77
Maksud, 20, 24, 34, 50, 80
Minit, 60, 81

N

Negeri, 12, 19, 21, 63, 64

Nangka, 34, 79

Nama, 39, 63, 76, 80

T

Tokoh, 10, 66, 77, 86

Turun-temurun, 18, 76

U

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 19, 77

Universiti Teknologi Mara, 14, 15, 29, 65, 66, 82

W

Wan Khadijah, 16, 76

Wawancara, 86

Z

Zikir, 25, 71, 77, 81

P

Pak Su, 14, 26, 39, 46, 59

Pemalu, 33, 36, 39, 90

Penari, 21, 32, 45, 54, 68

Perempuan, 15, 32, 43, 67, 80

Permainan, 26, 34, 37, 44

Pedagang, 22, 24, 42, 77, 80

Pemekup, 32, 45, 47, 68, 78

R

Rebana, 25, 27, 31, 34, 55

Rehat, 61

S

Sekolah Melayu, 10, 15, 76

Singapura, 21, 77

Seba, 45, 79

Sokongan, 59, 63, 69, 82